




Fiesta Uniti @ Muzium Kota Kayang



EDISI
BIL. 3
2025

The Museum

Berita Jabatan Muzium Malaysia



Lidah Pengarang



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Malaysia Madani.

Berita JMM Bil.3/2025 menutup pencapaian gemilang JMM sepanjang tahun 2025 dan membuka lembaran tahun 2026 yang lebih mencabar dalam memastikan JMM terus komited mengukuhkan peranannya menuju 2030. JMM telah menggalas peranan strategik dengan jayanya sepanjang tahun 2025 dalam menterjemahkan agenda perpaduan nasional berteraskan pendekatan permuziuman yang lebih inklusif, berasaskan ilmu, memanfaatkan teknologi dan berorientasikan rakyat melalui pelaksanaan pelbagai program serta aktiviti, selaras dengan konsep Harmoni Dalam Kepelbagaian yang diilhamkan oleh YB Menteri Perpaduan Negara serta tema Meremajakan Muzium.

Namun, cabaran masa hadapan menuntut muzium tampil sebagai institusi yang lebih inklusif dan responsif terhadap perubahan teknologi, kehendak masyarakat serta tuntutan ekonomi kreatif, tanpa mengorbankan nilai autentik dan integriti sejarah. Tahun 2026 adalah tahun yang amat mencabar yang memerlukan JMM memperteguh peranannya dan semua warga JMM lebih cakna terhadap agenda negara dan hala tuju Kementerian yang lebih besar. Dalam Rancangan Malaysia Ke13 (2026-2030), KPN telah diberikan mandat besar untuk menerajui Tonggak D1 iaitu Pembentukan Negara Bangsa berteraskan semangat Malaysia MADANI. Berlandaskan konsep UNITY (Understand, Nurture, Integrate, Transform, Yield) dan

nilai teras Faham, Hormat, Terima dan Meraikan, pelaksanaan program Kementerian dan Jabatan digerakkan melalui lima kluster strategik iaitu Tunas Madani, Komuniti Madani, Harmoni Madani, Rakyat Madani dan Warisan Madani. Tahun 2026 juga bermulanya pelaksanaan dua buah projek besar yang diluluskan di bawah RMKe13, iaitu Pembangunan Muzium Alam Semula Jadi di Putrajaya dan Pembinaan Reporitori di Muzium Lukut selain pembentukan Rang Undang-Undang Muzium Malaysia serta pindaan Perintah Fi di Parlimen sebelum dikuatkuasakan. Penganjuran Tahun Melawat Malaysia 2026 pula memerlukan JMM lebih strategik dalam perancangan dan pelaksanaan program.

Sebagai penutup tahun 2025, Berita JMM Bil.3/2025 bukan sekadar merakam aktiviti dan pencapaian, tetapi mengajak warga JMM untuk merenung peranan serta komitmen yang lebih besar di hadapan. Dengan berpaksaan pengalaman lalu, dipandu perancangan strategik baharu dan digerakkan oleh semangat Malaysia MADANI, JMM perlu terus relevan, progresif dan berwibawa melangkah ke hadapan dalam memperkukuh asas pembinaan negara bangsa.

Sekian, terima kasih.

**ENCIK MOHAMAD SHAWALI
BIN HAJI BADI**

Timbalan Ketua Pengarah (Dasar)
Jabatan Muzium Malaysia

Editorial



**RASIONAL GAMBAR MUKA DEPAN
FIESTA UNITI
@ MUZIUM KOTA KAYANG**

PENASIHAT

Datuk Kamarul Baharin bin A.Kasim

KETUA EDITOR

Mohd Razaimi bin Hamat

EDITOR

Mohd Khairill bin Jemangin

Nor Hafizzah binti Abdul Rahman

PENYELARAS

Manirah Binti Mansor

Azila binti Rohani@Rosani

Roseanida binti Abdul Kadir

FOTOGRAFI

Unit Sumber Media

EDARAN

Unit Dokumentasi

DITERBITKAN OLEH

Jabatan Muzium Malaysia

Jalan Damansara

50566 Kuala Lumpur

Tel : (+603) 2267 1000,

(+603) 2282 6255

Faks : (+603) 2282 6434

<https://www.jmm.gov.my>

DICETAK OLEH

Sepantas Kurnia (M) Sdn Bhd

No.50 &52A, Jalan Seri Aman,

Taman Seri Aman,

43200 Cheras Selangor.

Berita JMM diterbitkan 4 bulan sekali.

Berita ini boleh dimuat turun daripada laman web JMM.

ISI KANDUNGAN

JILID 47 • BIL.3/2025 • SEPTEMBER - DISEMBER

RUMAH HIJAU SEBAGAI KATALIS STRATEGIK DALAM USAHA MERAKYATKAN MUZIUM

- SEMARAK PERPADUAN DI NEGERI PERLIS NAN PERMAI:FIESTA UNITI TRANSFORMASIKAN MUZIUM KOTA KAYANG MENJADI ‘RUANG HIDUP’ RAKYAT
- PROGRAM BERMALAM DI MUZIUM 2025

NOSTALGIA ANAK KAMPUNG: TEMASYA RIUH SEKAMPUNG

PERSIDANGAN AGUNG MAJLIS MUZIUM ANTARABANGSA (ICOM) KE 27 DI DUBAI, EMIRIAH ARAB BERSATU

PAMERAN FABRIK ASEAN: KEABADIAN TENUNAN

- PROGRAM MUZIUM BERSAMA KOMUNITI MPP SEMARAKKAN KAMPUNG
- WAWANCARA KHAS MAJALAH SANTAI TRAVEL BERSAMA DATUK KP
- AROMA KOPI: EKSPRESI SENI DAN BUDAYA
- MAJLIS PELUNCURAN FESTIVAL KARTUN PERPADUAN
- PAMERAN MINI MUZIUM SUNGAI LEMBING
- MAJLIS PERASMIAN PROGRAM ART SHOW: MUZIK, SENI, PENDIDIKAN DAN UNITI 2025
- PROGRAM SEMARAK MERDEKA LABUAN
- PROGRAM LAKAR AGUNG@KUALA SEPETANG
- BICARA@MUZIUM “ADAT SOGIT: IDENTITI BUDAYA KAUM KADAZANDUSUN”
- PROGRAM BERMALAM DI MUZIUM LUKUT

CATATAN PERJALANAN ILMU JMM DI ICCROM COLLASIA 2025

KURSUS INSTRUMENTASI DAN KAJIAN SAINTIFIK ARTIFAK ARKEOLOGI 2025

- MAJLIS PELUNCURAN KAMPUNG ANGKAT MADANI, JABATAN MUZIUM MALAYSIA
- PERPATIH FEST 2025

- BENGKEL *DESIGN THINKING WITH STAKEHOLDER*
- SEMINAR PENGKISAHAN PERJUANGAN TENGKU MENTERI NGAH IBRAHIM

- PAMERAN SEMPENA SAMBUTAN JUBLI INTAN 70 TAHUN SEKOLAH KEBANGSAAN SIMPANG TIGA
- KRAF & ARTIFAK GELANG MANIK: RANTAIAN PERPADUAN SEMPENA HARI MALAYSIA

- PROGRAM INSPIRASI PELAJAR INOVASI MUZIUM (IPIM) SIRI 2 TAHUN 2025 DI MUZIUM SENI BINA MALAYSIA
- KURSUS PEMULIHARAAN DAN PEMELIHARAAN ARTIFAK LOGAM MENGGUNAKAN TEKNIK KONSERVASI TREHALOSE

BERITA BERGAMBAR

- PROGRAM INSPIRASI PELAJAR INOVASI MUZIUM (IPIM) SIRI 2 DI MUZIUM KOTA KUALA KEDAH
- SAMBUTAN MINGGU INTEGRITI BERSEMPENA DENGAN SAMBUTAN BULAN INTEGRITI NASIONAL 2025

PROGRAM BERMALAM DI MUZIUM MATANG 2025

- BICARA@MUZIUM: SONGKET 2 WAJAH
- DISEBALIK TABIR PENG GAMBARAN KISAH HIDUPKU: KURATOR

- PROGRAM JANGKAUAN LUAR MUZIUM ALAM SEMULAJADI DI SEKOLAH KEBANGSAAN KOTA WARISAN, SEPANG
- PROGRAM MUZIUM@KOMUNITI KRT TMN MAHOGANI

- POJOK MUZIUM BONGKAR POTENSI KOPI LIBERICA & SENI BARISTA
- AKTIVITI SISIPAN SEMPENA PAMERAN FABRIK ASEAN: KEABADIAN TENUNAN 2025

- BENGKEL PERMUKIMAN SEKTOR PERMUZIUMAN JABATAN MUZIUM MALAYSIA 2025
- PROGRAM LEGASI 2025: MEMORI & MUZIK @ MUZIUM PERAK

- LAWATAN JULUNG KALI DYMM TENGKU PERMAISURI SELANGOR KE LABUAN PERKUKUH PEMERKASAAN WARISAN, SEJARAH DAN ALAM SEMULAJADI
- SINGGAH SANTAI PESERTA PROGRAM KAYUHAN MERDEKA JELAJAH NEGERI SEMBILAN 2025 KE MUZIUM LUKUT

- *IN HOUSE TRAINING MUSEUM VOLUNTEER: NIGHT @ MUZIUM KOTA JOHOR LAMA*
- BICARA@MUZIUM ALAM SEMULAJADI SIRI 2 TAKSIDERMI & PERMUZIUMAN

- *MUSIC, ARTS & CULTURE CONVENTION (IMACC) SYMPOSIUM 2025*
- PROGRAM IPIM SIRI KE-4 DI MUZIUM LABUAN

- BENGKEL PEMULIHARAAN PATUNG WAYANG KULIT KELANTAN MENGGUNAKAN KAEDAH KONSERVASI SEMPENA FESTIVAL WAYANG KULIT KELANTAN 2025 DI AKADEMI SENI BUDAYA DAN WARISAN KEBANGSAAN (ASWARA)
- PROGRAM JANGKAUAN LUAR MUZIUM ALAM SEMULAJADI DI SEKOLAH KEBANGSAAN TAMAN SEROJA

PENYELIDIKAN FOTOGRAFI LABUAN DALAM SEJARAH

- LAWATAN PESERTA KURSUS PEMULIHARAAN DAN PEMELIHARAAN KOLEKSI LOGAM KE MUZIUM LUKUT
- PROGRAM SAMBUTAN MINGGU PERPADUAN PERINGKAT NEGERI SEMBILAN

- PROGRAM BERMALAM DI MUZIUM ADAT
- PROGRAM MADANI RAKYAT 2025: PERINGKAT NEGERI KEDAH

- PROGRAM SINERGI LABUANFM EDUTOURISM HARMONI SERANTAU
- PROGRAM FESTIVAL PENDIDIKAN NEGERI SEMBILAN 2025

- PROGRAM MUZIUM MERENTAS KAMPUS DAN SEKOLAH 2025
- PROGRAM STEM BERSAMA MUZIUM ARKEOLOGI LEMBAH BUJANG

- SAMBUTAN MAULIDUR RASUL DAN CERAMAH AGAMA “BEKERJA SEBAGAI IBADAH, INSPIRASI DARIPADA KEHIDUPAN RASULULLAH”
- PKSR JMM WILAYAH LABUAN DAN MAKNA ANJUR TAKLIMAT CAKNA KANSER

SEJARAH MUZIUM SELANGOR (1889-1945)

AKRAB JMM SERTA PROGRAM CITRA NEGARA MADANI (CNM) 2025

PROGRAM KENDURIAN 2025

RUMAH HIJAU SEBAGAI KATALIS STRATEGIK DALAM USAHA MERAKYATKAN MUZIUM

Oleh: Siti Munirah binti Kasim, Muzium Kota Kayang, Perlis

KANGAR - Rumah Hijau, Rumah Keputeraan Tuanku Raja Perlis, DYMM Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Almarhum Syed Putra Jamalullail yang terletak di kawasan Muzium Kota Kayang, Perlis menjadi antara daya tarikan baharu pelancong di negeri Perlis berikutan keunikan seni bina dan nilai sejarah yang tinggi.

Pemeliharaan dan pemuliharaan Rumah Hijau ini adalah salah satu usaha Jabatan Muzium Malaysia merakytakan muzium dalam kalangan masyarakat dan menjadikan muzium ini bukan sekadar tempat pameran tetapi ruang interaksi masyarakat untuk belajar, berkongsi dan menyumbang kepada kelestarian warisan. Rumah Hijau juga dilihat bukan sekadar simbol warisan tetapi berfungsi sebagai medium pembelajaran masyarakat untuk mengenali lebih dekat kehidupan kerabat diraja Perlis sekali gus budaya masyarakat Melayu Perlis pada masa lampau.

Menelusuri sejarahnya, Rumah Hijau merupakan rumah yang dibina oleh Almarhum Tuan Syed Mahmud iaitu nenda kepada Almarhum Tuanku Syed Putra. Tapak asal Rumah Hijau adalah terletak di Simpang masuk Jalan Pauh, Pekan Arau yang merupakan tapak Istana Cahaya yang mana kini menjadi tapak perniagaan komersial iaitu Kedai Jualan Motorsikal Chin Hin. Sekitar tahun 1960-an, Rumah Hijau dipindahkan ke lokasi kedua iaitu bersebelahan Perpustakaan Arau (Tapak Restoran McDonald Arau). Rumah tradisional ini berusia lebih 100 tahun telah dipindahkan dari lokasi asal di Arau ke Muzium Kota Kayang merupakan hasil usaha sama Kerajaan Negeri Perlis dan Jabatan Kerja Raya (JKR) bagi memastikan struktur binaannya terus dipelihara dan dimanfaatkan sebagai galeri pameran dalam usaha melestarikan sejarah serta warisan Perlis.

Senibina rumah tersebut merupakan adaptasi daripada senibina luar dari negeri Kedah dan Perlis. Bumbung yang digunakan adalah jenis Bumbung Lima (Perabung Lima/Limas). Rumah perabung lima merupakan salah satu rumah yang sering terdapat pada rumah Melayu, iaitu seni binaan orang-orang Melayu. Binaan Rumah perabung lima merupakan bentuk binaan awal yang banyak terdapat di Kelantan. Rumah tersebut bersaiz lebih

kurang 34' (L) x 60' (P) dan dibina dengan kawasan berlamam. Rumah perabung lima selalunya tidak memiliki tebar layar. Namun, rumah ini istimewanya kerana memiliki tebar layar. Kemungkinan besar Rumah Hijau ini memiliki campuran pelbagai bentuk senibina hasil idea unik daripada Almarhum YM Tuan Syed Mahmud. Selain itu bahagian dapur juga dibina berasingan daripada rumah ibu bagi memberikan ruang yang lebih luas. Senibina rumah ini memiliki persamaan dengan rekabentuk rumah orang Belanda, tetapi rumah perabung lima Melayu memiliki bumbung yang lebih tinggi.

Bahan yang digunakan untuk binaan rumah tersebut dipercayai daripada kayu Cengal dan Merbau. Berdasarkan temubual, pembinaan adalah menggunakan hasil tangan tukang kayu negeri Perlis dan Kedah. Rumah Hijau ini pada asalnya hanya memiliki tingkat atas tingkat bawah dibina selepas kemerdekaan Tanah Melayu. Rumah ini memiliki pengairan udara yang unik dan membuatkan kawasan di dalam rumah tidak panas walaupun di siang hari.

Perasmian Rumah Hijau ini disempurnakan oleh DYMM Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Almarhum Syed Putra Jamalullail, Tuanku Raja Perlis dan DYMM Raja Tuanku Tengku Fauziah Tengku Abdul Rashid, Tuanku Raja Perempuan turut berkenan untuk berangkat bersama. Malahan, Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang dan Datin turut hadir bersama memeriahkan majlis tersebut. Selain itu, semua pegawai tertinggi Kerajaan Negeri Perlis, Pengurusan Tertinggi Kementerian Perpaduan Negara, para Ketua Jabatan dan masyarakat sekitar Perlis turut bersama terlibat pada hari yang bersejarah ini.



SEMARAK PERPADUAN DI NEGERI PERLIS NAN PERMAI: FIESTA UNITI TRANSFORMASIKAN MUZIUM KOTA KAYANG MENJADI 'RUANG HIDUP' RAKYAT

oleh: Siti Munirah Binti Kasim, Muzium Kota Kayang, Perlis

KUALA PERLIS - Pada 1 November 2025 telah berlangsungnya Fiesta Uniti @ Muzium Kota Kayang. Program dua hari pada 1 dan 2 November 2025 ini bertujuan mempromosikan sejarah negeri Perlis serta memperkukuh perpaduan rakyat melalui kepelbagaian warisan setempat. Majlis perasmian fiesta tersebut telah disempurnakan oleh DYMM Tuanku Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, yang turut diiringi oleh Raja Perempuan Perlis, Tuanku Tengku Fauziah Almarhum Tengku Abdul Rashid. Perasmian Rumah Hijau Jadi Tumpuan Utama Kemuncak acara hari ini adalah majlis perasmian Rumah Hijau, iaitu rumah keputeraan DYMM Raja Perlis yang terletak dalam kawasan kompleks muzium tersebut. Usaha Jabatan Muzium Malaysia (JMM) memulihara struktur bersejarah ini mendapat pujian tinggi kerana kepentingannya terhadap identiti dan sejarah Kerajaan Negeri Perlis.

Fiesta ini menawarkan pelbagai aktiviti menarik merangkumi pameran interaktif, demonstrasi warisan, persembahan kebudayaan, pertandingan masakan tradisional, jualan produk tempatan serta aktiviti kanak-kanak berteraskan pendidikan dan permainan tradisional, sesuai untuk semua lapisan umur.

Dengan keberhasilan Fiesta Uniti ini, Muzium Kota Kayang telah berjaya membuktikan bahawa ia adalah jantung kepada identiti rakyat Perlis sebagai sebuah tempat di mana sejarah bertemu masa depan, dan perpaduan dipupuk melalui penghargaan terhadap akar budi bangsa.

Program ini diharapkan dapat menjadi pemangkin kepada pelancongan domestik di Perlis, selaras dengan inisiatif Tahun Melawat Perlis serta Tahun Melawat Malaysia 2026 sambil terus menyemai benih perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia.



PROGRAM BERMALAM DI MUZIUM 2025: MENYEMAI PATRIOTISME MELALUI PENGALAMAN PERMUZIUMAN

Oleh: Nor Hanisah binti Ahmad, Muzium Negara



Program Bermalam di Muzium merupakan antara inisiatif Jabatan Muzium Malaysia di bawah Program Citra Nusa@ Muzium yang mula diperkenalkan pada tahun 2005 sempena sambutan Hari Kebangsaan. Program ini telah menjadi platform pembelajaran tidak formal yang unik dengan memanfaatkan ruang muzium sebagai medium pendidikan sejarah dan budaya negara.

Pada tahun ini, tema "Kurator Muda" dipilih bagi memperkenalkan peranan kurator sebagai pemelihara khazanah warisan negara. Pengisian program diperkukuh melalui kerjasama strategik bersama Akademi Kenegaraan Malaysia yang menyumbang nilai tambah melalui slot ceramah dan pembangunan modul khas. "Program berteraskan warisan dan pendidikan amat penting dalam membentuk jati diri serta semangat perpaduan generasi muda negara," demikian antara penegasan YAB Tan Sri Abang Johari Tun Openg, Premier Sarawak, ketika merasmikan Majlis Penutupan Program Bermalam pada 14 September 2025 bertempat di Borneo Culture Museum, Kuching, Sarawak.

Penganjuran program ini memberi penekanan kepada pembentukan jati diri dan identiti nasional dalam kalangan generasi muda melalui pendekatan interaktif dan berasaskan pengalaman. Peserta bukan sahaja didedahkan kepada koleksi dan pameran muzium, malah turut terlibat secara langsung dalam aktiviti permuziuman yang merangsang pemikiran kritis, semangat kerja berpasukan serta penghayatan terhadap kepentingan sejarah dan warisan budaya negara. Pendekatan ini selari dengan usaha Jabatan Muzium Malaysia untuk memperkasa peranan muzium sebagai institusi pendidikan sepanjang hayat yang inklusif dan relevan.



Nostalgia

ANAK KAMPUNG: TEMASYA RIUH SEKAMPUNG

©leh: Nor Hanisah binti Ahmad, Muzium Negara



Perasmian program oleh Yang Berusaha Encik Mohamad Sobri bin Mat Daud Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Perancangan Strategik), Kementerian Perpaduan Negara mewakili Yang Berhormat Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara.



TKSU (Pengurusan) mendengar penerangan mengenai cara rebusan ubat herba tradisional masyarakat Orang Asli daripada akar kayu.

KUALA LUMPUR – Setiap tahun, Muzium Negara menjadi pentas kepada pelbagai inisiatif yang memartabatkan warisan sejarah, seni dan budaya bangsa. Antara program yang paling dinanti-nantikan ialah Program Nostalgia Anak Kampung (NAK) yang menjadi acara wajib tahunan Muzium Negara. Program ini telah berlangsung pada 10 hingga 12 Oktober 2025 bertempat di Dataran Muzium Negara dan telah dirasmikan oleh YBrs. Tuan Mohamad Sobri bin Mat Daud, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Perancangan Strategik), Kementerian Perpaduan Negara.

Muzium Negara sekali lagi menjadi tumpuan apabila program ini kembali dengan tema “**Temasya Riuh Sekampung**”, yang memberi peluang kepada pengunjung mengimbuai semula suasana kampung yang harmoni serta kaya dengan nilai budaya dan kemasyarakatan. Tema ini dipilih bagi menggambarkan kemeriahan kehidupan desa dalam meraikan kebersamaan yang sarat dengan nilai kekeluargaan dan semangat kejiranan. Program ini bukan sekadar menghidupkan kembali suasana fizikal kampung pada masa lalu, malah turut menzahirkan cara hidup desa yang berteraskan nilai-nilai murni seperti toleransi, saling membantu dan amalan gotong-royong. Semangat komuniti ini melambangkan keutuhan hubungan sosial yang terjalin erat, ibarat peribahasa “berat sama dipikul, ringan sama dijinjing” dalam setiap urusan dan majlis keramaian.

Antara tarikan utama program ini iaitu **Mini Pameran** yang membawa pengunjung menyelami kepelbagaian adat, busana, permainan, kraftangan dan gastronomi tradisional daripada pelbagai negeri serta etnik di Malaysia. Program ini



Demonstrasi membuat bunga manggar.



Aktiviti rewang dan gotong-royong masakan menu tradisional kenduri-kendara.



Pengunjung dari pelbagai kaum berpeluang merasai pengalaman 'naik pelamin' dan menjadi pengapit pengantin.



Demonstrasi seni mempertahankan diri silambam.



Pertandingan masak pengat pisang yang disertai oleh pelbagai kaum.



Pemenang peserta Pertandingan Busana Cilik bagi kategori kanak-kanak lelaki dan perempuan.

turut dimeriahkan lagi dengan **Rewang Komuniti Madani: 8 Kawah 8 Menu**, iaitu aktiviti gotong-royong memasak hidangan warisan secara beramai-ramai yang menjadi simbol muafakat dan perpaduan masyarakat berbilang kaum. Elemen nostalgia semakin dirasai menerusi aktiviti **Jom Gunting Rambut: Budak Kampung Bergaya**, yang menghidupkan suasana kedai gunting kampung. Selain itu, **Pertandingan Permainan Tradisional** seperti lastik, sepak raga, layang-layang, wayang kulit dan kaki gajah menguji kemahiran peserta dan memupuk semangat setiakawan dalam suasana penuh keceriaan.

Penganjuran program ini diadakan dengan kerjasama rakan strategik seperti Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, Lembaga Muzium Negeri Kedah, Lembaga Muzium Negeri Perak, Yayasan Warisan Johor, Institut Seni Warisan Melaka (INSWA), Muzium dan Galeri Seni Bank Negara Malaysia, *Malaysia Borneo Cultural & Heritage Association* (MANTRA), Persatuan Siam Malaysia, Silambam Maha Guru Ramachandran Malaysia, Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia, Againststar House Sdn. Bhd., Elang Wah Sdn. Bhd., Kunkwan Sdn. Bhd., Yayasan MR D.I.Y, Astro Ceria dan Sukarelawan Muzium Jabatan Muzium Malaysia.

Program ini memberi impak positif dengan menyumbang kepada pembangunan pelancongan warisan budaya dan mendidik masyarakat tentang kepelbagaian budaya dan identiti nasional. Ia memperkukuh peranan Muzium Negara sebagai pusat interaksi budaya hidup yang relevan dan dinamik. Program ini juga meningkatkan kesedaran tentang kepentingan melestarikan sejarah, seni dan budaya negara agar tidak lenyap ditelan zaman. Sambutan menggalakkan daripada pengunjung memperlihatkan pembangunan ekonomi komuniti setempat melalui penglibatan penggiat seni budaya, usahawan makanan tradisional dan pengusaha kraftangan.

Program Nostalgia Anak Kampung 2025 membuktikan komitmen berterusan Muzium Negara dalam memelihara dan menghidupkan warisan budaya negara. Dengan kehadiran kira-kira 16,874 pengunjung sepanjang tiga hari penganjuran, program ini berjaya menjadikan Muzium Negara sebagai pusat sejarah budaya hidup yang menyatukan masyarakat pelbagai generasi dan latar belakang. Diharapkan program ini terus menjadi platform utama dalam memperkukuh perpaduan dan memelihara warisan bangsa agar kekal relevan serta dihargai oleh generasi akan datang.

PERSIDANGAN AGUNG MAJLIS MUZIUM ANTARABANGSA (ICOM) KE 27 DI DUBAI, EMIRIAH ARAB BERSATU

oleh: Sitti Rabia binti Abd Rahman, Galeria Perdana

DUBAI - Pada 11 hingga 17 November 2025 yang lalu, Persidangan Agung Majlis Muzium Antarabangsa (ICOM) Ke-27 telah berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Dubai, Emiriah Arab Bersatu. Persidangan Agung ini merupakan acara yang sentiasa dinantikan oleh semua ahli ICOM di seluruh dunia kerana penganjurannya dilaksanakan hanya sekali dalam setiap tiga tahun. Menurut laporan negara penganjur iaitu ICOM Dubai 2025, seramai 4,500 orang ahli ICOM dari seluruh dunia yang terdiri daripada profesional muzium, pegawai-pegawai kebudayaan dan penggubal dasar bidang permuziuman telah hadir ke persidangan yang julung kalinya diadakan di negara Timur Tengah. Persidangan ini telah dirasmikan oleh Yang Amat Mulia Sheikhha Latifa binti Mohammed bin Rashid Al-Maktoum, Pengerusi Kebudayaan Dubai.

Malaysia sebagai negara anggota juga turut hadir dengan diwakili oleh ahli-ahli ICOM Malaysia (ICOMMAL). Delegasi Malaysia telah diketuai oleh Jabatan Muzium Malaysia dan disertai oleh wakil-wakil dari Lembaga Muzium Negeri Sembilan, Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang, Lembaga Muzium Negeri Kedah, Perbadanan Adat dan Warisan Melayu Negeri Selangor, Muzium Tentera Darat, Muzium Polis Diraja Malaysia, Muzium Seni Asia, Muzium dan Galeri Seni Bank Negara Malaysia dan Universiti Islam Antarabangsa. Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia, Yang Berbahagia Datuk Kamarul Baharin bin A.Kasim yang juga Pengerusi ICOM Malaysia, telah mengetuai Delegasi Malaysia bersama pegawai-pegawai JMM iaitu Encik Mohd. Razaimi bin Hamat, Timbalan Ketua Pengarah Permuizuman, Encik Zainal bin Ariffin, Pengarah Dasar dan Pembangunan, Cik Sitti Rabia binti Abd Rahman, Pengarah Galeria Perdana dan Puan Hairunnisyam binti Md.Jamil, Kurator Bahagian Pengurusan Konservasi. Penyertaan Delegasi Malaysia ke Persidangan ICOM ini juga turut diselenggarakan oleh Puan Janet Tee Siew Mooi selaku Setiausaha ICOM Malaysia. Secara lazimnya, Persidangan Agung ICOM akan mengangkat satu tema yang menjadi dasar dan

isu perbincangan oleh profesional muzium di peringkat global. Justeru, persidangan agung kali ini bertemakan 'Masa Depan Muzium Dalam Komuniti Yang Berubah Pantas' (The Future of Museums In Rapidly Changing Communities) dan dibahagikan kepada tiga sub tema iaitu Warisan Tidak Ketara (Intangible Heritage), Kuasa Belia (Youth Power) dan Teknologi Digital (Digital Technologies). Tema ini dipilih untuk membincangkan cabaran, peranan, pendekatan dan halatuju ICOM sebagai badan antarabangsa untuk membentuk dan menjamin kelangsungan masa depan muzium serta warisan budaya. Sepanjang persidangan ini berlangsung, lebih 100 Diskusi Panel, Bengkel dan Forum yang membicarakan bagaimana muzium boleh berinovasi dan berkhidmat untuk masyarakat yang berubah pantas. Sebanyak enam Resolusi Persidangan telah dikemukakan untuk dijadikan garis panduan dan pelaksanaan Pelan Strategik ICOM 2025-2028 iaitu Memperkasa Generasi Masa Hadapan melalui Warisan Tidak Ketara (Empowering Future Generations through Intangible Heritage), Perlindungan Koleksi Muzium dan Sokongan kepada Profesional Muzium pada Waktu Krisis (Protection of Museum Collections and Support to Museum Professionals in Times of Crisis), Memposisikan Muzium ke arah Masa Depan Digital yang Saksama, Beretika dan Lestari (Positioning Museums for an Equitable, Ethical and Sustainable Digital Future), Memperkasa Muzium dalam Mencapai Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) melalui Belia, Keterangkuman Sosial dan Kebolehtindakan Iklim (Empowering Museums in Achieving the SDGs through Youth, Social Inclusion and Climate Action), Mempertingkatkan Kesiapsiagaan Kecemasan di Muzium serta Menggalakkan Muzium dan Komuniti yang Berdaya Tahan (Enhancing Emergency Preparedness in Museums and Promoting Resilient Museums and Communities) dan Penubuhan Jawatankuasa Tetap mengenai Dekolonisasi (*Establishment of a Standing Committee on Decolonisation*).



Yang Berbahagia Datuk Kamarul Baharin bin A. Kasim, Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia yang juga Pengerusi ICOM Malaysia menyampaikan Ucaptama bertajuk 'Museum As A Powerhouse: Bridging Between Communities and Intangible Heritage' dalam Sesi Keterlibatan ICOM ASPAC 2025 di Dubai WTC



Wakil ICOM Malaysia, Cik Sitti Rabia binti Abd Rahman membentangkan Laporan Tahunan ICOMMAL sempena Mesyuarat Agung ICOM ASPAC 2025



Ahli-ahli ICOM Jabatan Muzium Malaysia yang menyertai Persidangan Agung ICOM Ke-27 di Dubai, UAE.



Delegasi ICOM Malaysia yang hadir ke Persidangan Agung ICOM ke-27 di Dubai, UAE



Bersempera dengan persidangan ini, Jawatankuasa-jawatankuasa Antarabangsa di bawah ICOM telah mengambil peluang untuk mengadakan mesyuarat, sesi keterlibatan (*public session*), simposium dan juga pemilihan ahli jawatankuasa baharu bagi penggal 2025-2028. Dalam Sesi Keterlibatan ICOM ASPAC 2025, Pengerusi ICOM Malaysia, Yang Berbahagia Datuk Kamarul Baharin bin A. Kasim telah menyampaikan Ucaptama bertajuk 'Museum As A Powerhouse: Bridging Between Communities and Intangible Heritage'. Manakala dalam Mesyuarat Agung ICOM ASPAC, Cik Sitti Rabia binti Abd Rahman telah menyampaikan Laporan Tahunan ICOM Malaysia. Selain itu, beliau juga telah dilantik sebagai ahli jawatankuasa ICOFOM ASPAC untuk penggal seterusnya. Ahli-ahli ICOM Malaysia yang menyertai persidangan agung ini turut hadir dalam sesi-sesi yang diadakan oleh jawatankuasa-jawatankuasa Antarabangsa yang lain seperti *International Committee for Education and Cultural Action (CECA)*, *International Committee for Collecting (COMCOL)*, *International Committee for Museums and Collection of Ethnography (ICME)*, *International Committee for Museology (ICOFOM)*, *International Committee for Money and Banking Museums (ICOMON)* dan lain-lain.

Kemuncak Persidangan Agung ICOM ke-27 adalah pemilihan Presiden dan Jawatankuasa Eksekutif baharu dalam Mesyuarat Agung ICOM ke-40. Wakil dari ICOM USA, Antonio Rodriguez telah mendapat sokongan majoriti dan dilantik sebagai Presiden ICOM bagi penggal 2025-2028. Manakala jawatan naib presiden telah disandang oleh Nasir Al-Darmaki dari ICOM UAE dan Tayeebeh Golnaz Golsabahi dari ICOM Iran. Kesemua ahli eksekutif baharu yang dilantik mewakili 16 buah negara dan diharap dapat menggalas tanggungjawab untuk memperkukuhkan fungsi, peranan dan halatuju ICOM.

Penyertaan Ahli-ahli ICOM Malaysia dalam Persidangan Agung ICOM kali ini amat menggalakkan dan bermakna memandangkan sebahagiannya adalah pegawai-pegawai baharu yang pertama kali menghadiri acara muzium bertaraf global seumpama ini. Sesungguhnya Persidangan Agung ICOM merupakan sebuah platform yang sangat berprestij untuk dihadiri oleh ahli-ahli ICOM Malaysia bagi memperkasakan ilmu pengetahuan, pengalaman, perkongsian idea dan juga jaringan kerjasama di peringkat antarabangsa.

PAMERAN FABRIK ASEAN: KEABADIAN TENUNAN

Oleh: Fadhliaun binti Azmi, Muzium Tekstil Negara

KUALA LUMPUR – Pada 5 November 2025, Dataran Muzium Negara diserikan dengan keindahan tekstil dan semangat serantau apabila diadakan Majlis Perasmian Pameran Fabrik ASEAN: Keabadian Tenunan. Pameran ini adalah bersempena dengan kepengerusian ASEAN Malaysia 2025 sebagai lambang persahabatan dan perpaduan warisan budaya dalam kalangan negara-negara anggota ASEAN.

Majlis perasmian ini telah disempurnakan oleh YABhg. Dato' Seri Dr. Wan Azizah binti Dr. Wan Ismail. Dalam ucapan beliau, seni tenunan ditegaskan bukan sekadar hasil kerja tangan tetapi lahir daripada hati dan minda yang menyatukan pelbagai bangsa. Beliau turut menyatakan bahawa penganjuran pameran ini bertepatan dengan tema Kepengerusian ASEAN Malaysia 2025 iaitu "Keterangkuman dan Kemampunan" yang mengangkat nilai empati, tanggungjawab dan kebersamaan serantau. Menurut beliau lagi, setiap helaian benang menyimpan kisah, identiti dan nilai yang diwarisi turun-temurun, dan proses menenun menuntut kesabaran, ketelitian serta rasa saling menghormati.

Sebelum itu dalam ucapan alu-aluan, YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara menyatakan bahawa pameran ini mencerminkan kekuatan akar budaya dan warisan yang dikongsi oleh komuniti serantau. Keindahan seni tekstil ASEAN bukan sahaja menonjolkan ketelitian para penggiatnya, malah menjadi simbol perpaduan dan identiti bersama yang memupuk semangat kemasyarakatan pelbagai budaya.

Pameran ini menampilkan 105 koleksi tekstil warisan, bahan tenunan, alat tradisional dan kostum etnik dari sepuluh negara anggota ASEAN. Setiap segmen memperlihatkan perjalanan seni tenunan bermula daripada proses penghasilan benang serta pewarnaan semula jadi hinggalah kepada keunikan motif yang menjadi identiti serantau. Tema "Keabadian Tenunan" dipilih bagi menggambarkan semangat kesatuan dalam kepelbagaian yang menyatukan negara-negara ASEAN sambil memelihara warisan seni tekstil untuk generasi mendatang. Pameran ini dibuka kepada umum mulai 20 Oktober hingga 31 Disember 2025.

Antara koleksi menarik yang dipamerkan ialah kain sarung limar bersongket milik kerabat diraja Terengganu dari awal abad ke dua puluh, dihasilkan menggunakan benang sutera dan emas. Turut dipamerkan kain sarung Lau Pahudu



Penyempurnaan gimik perasmian dengan menerai benang, sebagai simbolik pelancaran Pameran Fabrik ASEAN: Keabadian Tenunan

dari Pulau Sumba, Indonesia yang memaparkan motif loseng timbul serta warna semula jadi dan sering digunakan dalam ritual tradisional. Koleksi lain termasuk kain selendang songket sekitar tahun 1950-an yang menampilkan corak teluk berantai dan bunga melur melalui penggunaan benang sutera dan perak. Pengunjung juga berpeluang melihat kain sarung atau sinh dari Laos yang ditunen menggunakan benang kapas dan pewarna indigo, serta kain sarung Malong Landap dari Filipina yang dihiasi corak langkit berwarna warni dan digunakan dalam upacara adat serta perkahwinan.

Sesi Penyampaian Sijil Penghargaan turut diadakan sebagai tanda penghargaan terhadap sokongan individu, institusi dan sumbangan daripada pihak diraja melalui Kempen Derma Koleksi serta peminjaman koleksi sempena pameran ini. Sepanjang tempoh pameran berlangsung, pelbagai aktiviti interaktif dianjurkan bagi memberi peluang kepada pengunjung mendalami proses pembuatan tekstil tradisional.



PROGRAM MUZIUM BERSAMA KOMUNITI MPP SEMARAKKAN KAMPUNG PATAU-PATAU 1 WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

Oleh: Zainon binti Halon, Muzium Labuan

LABUAN - 7 September 2025, Program Muzium Bersama Komuniti yang berlangsung di Dewan Serbaguna Kampung Patau-Patau 1, Wilayah Persekutuan Labuan, berjaya menyemarakkan suasana penuh kemeriahan apabila penduduk setempat hadir beramai-ramai memeriahkan pelbagai aktiviti yang disediakan. Program anjuran Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) Sub Zon 2 Labuan bersempena sambutan Hari Malaysia ini berjaya menghimpunkan masyarakat dalam satu platform berasaskan pendidikan, warisan dan kesedaran sosial. Penyertaan Muzium Labuan, yang mengetengahkan pameran serta aktiviti permainan tradisional. Ini bukan sahaja mencetuskan nostalgia warisan turun-temurun, malah menggalakkan generasi muda mengenali dan menghargai budaya tempatan. Turut diadakan ialah ceramah sejarah Labuan, yang memberikan pendedahan mendalam mengenai perkembangan sosio-budaya Labuan sejak awal penempatan sehingga era moden. Dalam usaha memperkukuh keselamatan komuniti, pihak PDRM

Labuan turut hadir menyampaikan ceramah pencegahan jenayah penipuan dalam talian. Ceramah ini mendapat perhatian ramai susulan peningkatan kes penipuan digital ketika ini. Penduduk diberi maklumat mengenai taktik penipuan terkini serta langkah tepat bagi melindungi diri dan keluarga. Program turut diserikan dengan pelbagai pertandingan, antaranya Pertandingan Basikal Merdeka, Pertandingan Mewarna Kanak-Kanak dan Pertandingan Pakaian Beragam Kanak-Kanak bertemakan Hari Malaysia. Kehadiran Yang Berusaha Tuan Simsudin bin Sidek, Timbalan Pengerusi Perbadanan Labuan, menyeronokkan lagi majlis tersebut. Beliau turut merasmikan program dan menyampaikan hadiah kepada para pemenang pertandingan. Penganjuran Program Muzium Bersama Komuniti ini bukan sahaja mengeratkan hubungan antara penduduk dan pihak muzium, malah memperkukuh usaha memelihara warisan tempatan serta meningkatkan kesedaran masyarakat dalam pelbagai aspek. Inisiatif sebegini diyakini mampu menyemarakkan semangat perpaduan serta membina



komuniti yang lebih peka, berilmu dan bersatu padu khususnya di Wilayah Persekutuan Labuan.

WAWANCARA KHAS MAJALAH SANTAI TRAVEL BERSAMA DATUK KP

Oleh: Norhidayah binti Ramely, Bahagian Komunikasi Korporat



KUALA LUMPUR – Dalam usaha merencanakan kembali sektor pelancongan budaya negara, Jabatan Muzium Malaysia (JMM) giat merangka strategi baharu bagi memastikan institusi permuziuman kekal relevan sebagai gedung khazanah negara. YBhg. Datuk Kamarul Baharin bin A. Kasim, Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia, telah menerima kunjungan hormat dan sesi wawancara khas daripada Profesor Datuk Azlie Halim, Naib Presiden *Malaysia International Tourism Development Association* (MITDA). Kunjungan ini bertujuan mendapatkan pandangan eksklusif mengenai hala tuju JMM

untuk tahun mendatang, khusus bagi pengisian majalah Santai Travel. Pertemuan ini turut diserikan dengan kehadiran Cikgu Roslim bin Abu, Presiden Persatuan Dunia Seni Silat Melayu yang melambangkan sinergi antara institusi muzium (warisan ketara) dan badan seni mempertahankan diri (warisan tidak ketara). Intipati wawancara ini bukan sahaja menyentuh aspek visi, cabaran dan transformasi JMM, malah turut memperlihatkan komitmen tinggi Datuk Kamarul Baharin dalam usaha memartabatkan institusi muzium di negara ini. Di bawah kepimpinan beliau, JMM bertekad untuk meletakkan

muzium bukan sekadar sebagai bangunan sejarah yang statik tetapi juga sebagai sebuah institusi hidup yang mengukuhkan jati diri bangsa dan memacu sektor pelancongan. Perkongsian eksklusif ini bakal diterbitkan sepenuhnya di dalam majalah Santai Travel. Ia diharapkan dapat menarik minat lebih ramai rakyat Malaysia serta pelancong antarabangsa untuk kembali menghayati dan menghargai keunikan warisan negara menerusi rangkaian muzium di seluruh Malaysia.

Majlis Peluncuran FESTIVAL KARTUN PERPADUAN

Oleh : Bahagian Penyelidikan dan Dokumentasi

KUALA LUMPUR - Majlis Peluncuran Festival Kartun Perpaduan telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Haslina binti Abdul Hamid, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara di Dataran Muzium Negara. Festival anjuran SAKSAMA dengan kerjasama KPN melalui Jabatan Muzium Malaysia (JMM) bertemakan '*Raikan Perbezaan, Raih Perpaduan*' ini bertujuan mengangkat seni kartun sebagai medium komunikasi dalam memupuk semangat perpaduan masyarakat majmuk. Festival selama dua hari pada 18 hingga 19 Oktober 2025 ini menghimpunkan 50 kartunis tempatan serta menawarkan pelbagai aktiviti interaktif kepada pengunjung. Majlis turut dihadiri Ketua Pengarah JMM serta tokoh-tokoh seni dan budaya.



AROMA KOPI: EKSPRESI SENI DAN BUDAYA

Oleh: Nor Hanisah binti Ahmad, Muzium Negara

KUALA LUMPUR - Program Aroma Kopi: Ekspresi Seni dan Budaya telah berlangsung pada 29 dan 30 November 2025 bertempat di Dataran Muzium Negara, dengan penyertaan penggiat seni, penggemar kopi, pemain industri dan komuniti setempat. Penganjurannya bertujuan meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap sejarah dan perkembangan kopi di Malaysia, di samping mengangkat kopi sebagai elemen seni dan budaya yang telah sebatikan dalam kehidupan masyarakat. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Haslina binti Abdul Hamid, Ketua Setiausaha, Kementerian Perpaduan Negara.

Pelbagai aktiviti menarik telah dilaksanakan seperti Mini Pameran "Kopi: Ekspresi Seni dan Budaya", Tarung Seni Latte, demonstrasi dan bengkel seni latte, bengkel pembuatan produk berasaskan kopi seperti sabun serta segmen Podcast yang menampilkan perkongsian pengalaman penggiat industri kopi tempatan. Program ini turut dimeriahkan dengan aktiviti santai dan pertandingan seperti Kopi Trail, Uji Rasa Kopi, Kopi Tarik, Cup Doodling dan persembahan buskers menerusi segmen "Irama Secawan Kopi". Aktiviti seperti Bristwalk Coffee Experience, "Jom Mengopi", Teka Silang Kata Kopi dan Kopi dan Kenangan turut memberi peluang kepada pengunjung untuk berinteraksi dan menghargai seni serta sejarah di sebalik secawan kopi.

Kejayaan penganjuran program ini disokong melalui penglibatan rakan strategik seperti Kopi Antong, MARDI, Againststar House Sdn. Bhd., Malaysia Speciality Coffee Association (MSCA), Tadara Coffee dan Lembaga Muzium Negeri Kedah. Program ini berjaya menarik 10,491 pengunjung, memupuk kesedaran terhadap sejarah, seni dan budaya kopi serta menyumbang kepada pembangunan ekonomi komuniti setempat, sekali gus mengukuhkan peranan Muzium Negara sebagai pusat seni dan budaya.



PAMERAN MINI MUZIUM SUNGAI LEMBING

SEMPENA SAMBUTAN MINGGU PERPADUAN DAN JUBLI EMAS RUKUN TETANGGA NEGERI PAHANG TAHUN 2025

Oleh: Wahidayu A Wahab, Muzium Sungai Lembing

Muzium Sungai Lembing telah menyertai Sambutan Minggu Perpaduan dan Jubli Emas Rukun Tetangga Peringkat Negeri Pahang 2025 yang berlangsung dari 5 hingga 7 September 2025 di Dataran Bentong, Pahang. Program tiga hari ini merangkumi pameran pelbagai agensi, karnival ekonomi, jualan rahmah, persembahan kebudayaan, majlis perasmian rasmi, aktiviti sukan rakyat, persembahan busana tradisi, serta slot bicara perpaduan.

Sepanjang program, Muzium Sungai Lembing menampilkan Pameran Foto 'Pai Naa' serta pameran artifak bersejarah, di samping menjalankan aktiviti interaktif untuk pengunjung. Program ini berjaya menarik kira-kira 12,000 pengunjung dan memberi impak positif dalam memperkukuh kerjasama strategik, memperluas input pameran serta memperkembangkan pendidikan muzium dan sinergi antara agensi.



Majlis Perasmian

PROGRAM ART SHOW:
MUZIK, SENI, PENDIDIKAN
DAN UNITI 2025 oleh: Muzium Muzik

KUALA LUMPUR - Perasmian Program *Art Show: Muzik, Seni, Pendidikan dan Uniti 2025* telah berlangsung dengan jayanya pada 8 November 2025 di Dataran Pentas Terbuka, Jabatan Muzium Malaysia (JMM) dengan kehadiran 105 orang tetamu jemputan. Program *signature* Muzium Muzik ini telah dianjurkan tiga tahun berturut-turut sejak 2023 serta melibatkan institusi pendidikan, agensi, penggiat seni dan komuniti setempat sebagai usaha memperluas jaringan kerjasama dalam bidang seni muzik.

Majlis diserikan dengan ketibaan tetamu kehormat iaitu YBhg. Dato' Mohamad Azhan bin Md. Amir, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), Kementerian Perpaduan Negara dan YBhg. Datuk Kamarul Baharin bin A. Kasim, Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia (JMM). Acara diteruskan dengan persembahan tarian pelbagai etnik, pelancaran buku *Art Show: Muzik, Seni, Pendidikan dan Uniti*, persembahan tarian Dabus serta pancaragam PUZIDA sebelum sesi walkabout ke Pameran *Art Show: Muzik, Seni, Pendidikan dan Uniti 2025*. Pameran ini menampilkan pelbagai karya seni, koleksi alat muzik terpilih serta persembahan klasifikasi alat muzik oleh ASWARA.

Program turut dimeriahkan dengan persembahan gamelan oleh Kumpulan Cendanasari, JMM serta elemen interaktif dan kreatif melalui gambus elektronik dan *visual immersive vortex resonance* yang mengabungkan seni tradisional dan teknologi moden. Majlis diakhiri dengan jamuan makan tengah hari serta persembahan muzik sape oleh Encik Sangam@Musa Antok.



Program SEMARAK MERDEKA LABUAN

Oleh : Zainon binti Halon , Muzium Labuan



LABUAN – Program Semarak Merdeka Labuan 2025 yang berlangsung dari Ogos hingga September dilihat telah berjaya mengukuhkan semangat patriotisme dalam kalangan warga sekolah serta komuniti setempat. Program anjuran bersama Sumber Sektor Teknologi Pendidikan (SSTP), Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan dan Jabatan Muzium Malaysia Wilayah Persekutuan Labuan ini melibatkan penyertaan pelajar sekolah rendah dan menengah dari seluruh Labuan. Inisiatif ini bukan sahaja bertujuan memeriahkan sambutan Hari Kebangsaan, malah turut memberi penekanan terhadap penghayatan nilai sejarah, pembinaan jati diri dan pemantapan kecintaan terhadap negara.

Pelbagai aktiviti telah dilaksanakan sepanjang program ini termasuklah aktiviti program Bermalam di Muzium Labuan. Aktiviti Vlogging Tempat-Tempat Menarik di Labuan pula menggalakkan para pelajar meneroka lokasi-lokasi signifikan sambil mengasah kemahiran teknologi digital dan penceritaan kreatif yang telah dinilai oleh pihak Jabatan Penerangan Labuan. Selain itu, Pertandingan Bicara Tokoh membuka ruang kepada peserta untuk mendalami kisah tokoh-tokoh negara sambil meningkatkan kemahiran berkomunikasi dan keyakinan diri dalam pengucapan awam. Pertandingan *Kuiz Semarak Sejarah* dan *Kuiz History Maniac* pula menjadi platform penting untuk menguji tahap pengetahuan sejarah dalam kalangan pelajar dan masyarakat sekaligus memupuk minat terhadap perjalanan Malaysia dari era perjuangan kemerdekaan hingga pembangunan negara pada masa kini. Program ini turut menampilkan Pertandingan Penulisan Cerpen Patriotisme yang membolehkan setiap peserta mengekspresikan kreativiti mereka melalui karya bertemakan kecintaan kepada tanah air. Bagi memastikan penilaian yang profesional, Akademi Seni Kebangsaan (ASWARA) dan Jabatan Muzium Malaysia WP Labuan telah dilantik sebagai juri rasmi untuk pertandingan ini. Majlis Penutupan Program Semarak Merdeka Labuan 2025 telah diadakan pada 7 Oktober 2025 di Dewan Seminar Rafflesia, Ujana Kewangan Labuan. Majlis tersebut telah disempurnakan oleh Yang Berusaha Encik Yahya bin Ahmad Puteh, Pengarah Jabatan Pendidikan WP Labuan. Secara keseluruhannya, Program Semarak Merdeka Labuan 2025 telah berjaya memperkukuh kesedaran sejarah dan menyemarakkan semangat patriotisme melalui pendekatan pembelajaran yang holistik, kreatif dan menyeluruh.

Program

LAKAR AGUNG@KUALA SEPETANG

oleh: Ainin Sofiya binti Jamalludin, Muzium Matang



MUZIUM MATANG – Program Lakar Agung@Kuala Sepetang telah berjaya dilaksanakan dengan jayanya di Muzium Matang, Perak pada 24 dan 25 Oktober 2025, hasil kerjasama erat antara Muzium Matang dan Persatuan Pelukis Perak. Program selama tiga hari ini menghimpunkan seramai 60 orang peserta dari seluruh Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum, sekaligus mencerminkan semangat perpaduan dan kepelbagaian budaya melalui medium seni visual.

Majlis penutup program telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Man, ADUN Kuala Sepetang. Turut hadir memeriahkan majlis ialah YBhg. Dato' Mohamad Kamil bin Dato' Shafie, Pengerusi Tourism Perak Management Berhad, serta Encik Niza bin Ahmad Zaini, Kurator Balai Seni Negara. Kehadiran para tokoh tersebut telah mengukuhkan jalinan kerjasama strategik antara institusi muzium, komuniti seni, dan agensi pelancongan negeri dalam usaha memperkasa dan memajukan sektor pelancongan seni (art tourism) di negeri Perak.

Antara pengisian utama program iaitu aktiviti eksplorasi seni di sekitar Kuala Sepetang. Peserta dibawa melawat ke lokasi-lokasi menarik seperti kawasan hutan paya bakau, dapur arang tradisional, dan aktiviti menyusuri sungai dengan menaiki bot bagi mendapatkan inspirasi alam semula jadi sebagai subjek lukisan. Selain itu, turut diadakan pertandingan lakaran bebas *sketch competition* yang memberi peluang kepada peserta memilih lokasi pilihan mereka sendiri untuk menghasilkan karya secara langsung di lapangan.

Program ini turut menampilkan sesi ceramah bertajuk "*Art Tourism*" yang disampaikan oleh YBhg. Dato' Mohamad Kamil bin Dato' Shafie, yang menekankan peranan seni dan institusi muzium dalam memperkayakan pengalaman pelancongan berasaskan warisan budaya tempatan. Sesi tersebut turut membuka ruang wacana mengenai potensi Kuala Sepetang sebagai destinasi pelancongan seni yang berdaya tarikan tinggi, bukan sahaja kepada para pelukis tempatan malah kepada penggiat seni antarabangsa.

Secara keseluruhannya, Program Lakar Agung@Kuala Sepetang telah mencapai objektif penganjurannya dalam memperkukuh jaringan antara institusi muzium, komuniti seni dan masyarakat setempat. Program ini bukan sahaja berjaya mengangkat Kuala Sepetang sebagai destinasi pelancongan seni beridentiti, tetapi turut memperkukuh peranan Muzium Matang sebagai pusat warisan yang dinamik dan relevan dengan aspirasi Malaysia MADANI.

BICARA@MUZIUM

**“ADAT SOGIT: IDENTITI BUDAYA
KAUM KADAZANDUSUN”**

Oleh: Hayati binti Mohamad Zawawi, Muzium Adat



JELEBU – Muzium Adat telah menganjurkan Bicara@Muzium pada 14 Oktober 2025 yang mengupas tentang adat *sogit*, satu amalan penting dalam budaya masyarakat Kadazandusun di Sabah yang berperanan memelihara keseimbangan, keharmonian dan kesejahteraan komuniti Kadazandusun sejak zaman dahulu. Program Bicara@Muzium ini merupakan siri ketiga bagi tahun 2025 dan seramai 695 orang peserta telah mengikuti program bicara ini yang disiarkan secara dalam talian menerusi platform *Facebook Live* Muzium Adat.

Sesi pertama disampaikan oleh Profesor Kehormat, Prof. Dr. Hanafi bin Hussin dari Universiti Malaya yang membentangkan hasil kajian beliau mengenai adat *sogit* yang diamalkan oleh komuniti Kadazan Penampang di Sabah. Menurut beliau, *sogit* bukan sekadar denda, tetapi merupakan satu bentuk ritual penyucian dan perdamaian yang berakar daripada kepercayaan tradisi masyarakat Kadazan di Penampang. *Sogit* juga bertujuan mengembalikan keseimbangan (*osogit*) antara manusia, alam dan alam spiritual dalam komuniti tersebut. Amalan ini turut berkait dengan sistem kepercayaan tradisional, institusi *bobohizan* dan struktur adat komuniti Kadazan Penampang. Prof. Dr. Hanafi menjelaskan bahawa sistem *sogit* sering digunakan untuk menangani kes-kes seperti penghinaan, pergaduhan, perkahwinan, dan gangguan seksual sama ada di peringkat kampung atau Mahkamah Anak Negeri. Pengkanunan *sogit* di bawah Undang-Undang Anak Negeri 1995 membuktikan kesinambungan adat tradisi ini dalam konteks pentadbiran moden.

Sesi kedua pula disampaikan oleh Dr. Minah Sintian dari Universiti Pendidikan Sultan Idris yang menumpukan pembentangan kepada “Adat *sogit* dalam isu perkahwinan masyarakat Dusun Lembah Kinabalu”. Sebagai anak jati etnik Dusun, beliau menerangkan bahawa *sogit* dalam konteks perkahwinan meliputi kesalahan seperti sumbang mahram, kehamilan luar nikah, bersekedudukan, putus tunang tanpa sebab dan kecurangan. Denda *sogit* adalah mengikut jenis kesalahan dan adat setempat. Biasanya diberikan dalam bentuk tanaman padi, binatang ternakan seperti kerbau, babi atau ayam serta benda berharga seperti *karo*, garam atau barangan emas. Peranan Mahkamah Anak Negeri dalam menguatkuasakan Undang-Undang Adat Anak Negeri 1995 terutama yang melibatkan kes perkahwinan, pertunangan, penceraian serta kesalahan seksual turut dibincangkan oleh Dr. Minah.

Berdasarkan kupasan oleh kedua-dua panel menunjukkan adat *sogit* masih kekal diamalkan dan memainkan peranan penting sebagai mekanisme perdamaian untuk mengelakkan “kepanasan” atau konflik berpanjangan serta memulihkan keharmonian sosial dalam komuniti Kadazandusun. Program Bicara@Muzium ini berjaya membuka ruang kefahaman yang lebih mendalam mengenai amalan adat masyarakat Kadazandusun serta memperlihatkan bagaimana adat tradisi ini terus dilestarikan dalam sistem perundangan negeri Sabah hari ini.

**PROGRAM BERMALAM DI
MUZIUM**

Oleh: Siti Norhayati binti Tapsir, Muzium Lukut



LUKUT - 22 hingga 23 September 2025, Program Bermalam di Muzium telah berlangsung di Muzium Lukut. Program Bermalam di Muzium Lukut kali ini melibatkan 80 orang peserta daripada pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Yam Tuan Radin, Port Dickson Negeri Sembilan.

Program ini lazimnya dilaksanakan bersempena dengan bulan Kemerdekaan serta Hari Malaysia dan mampu memberi impak lebih besar ke arah memperkasa dan meningkatkan semangat patriotisme dalam kalangan pelajar. Program yang berlangsung selama dua hari satu malam diisi dengan pelbagai aktiviti seperti Perkongsian Ilmu ‘Siapa Kurator’, Aktiviti Miniatur: Harmoni Dalam Kepelbagaian, Ceramah Eksklusif: Akademi Kenegaraan Malaysia, Tiktok Sejarah, Wira *Fun Walk @ Muzium Lukut* dan Misi Kurator Muda: Rasai pengalaman jadi kurator sebenar. Para pelajar juga turut diberi peluang untuk bermalam di dalam galeri Muzium Lukut bersama fasilitator.

Program ini merupakan salah satu inisiatif Jabatan Muzium Malaysia dalam menerapkan kepentingan pemahaman mengenai sejarah, budaya dan warisan negara selain memupuk semangat patriotisme dalam diri pelajar. Melalui penyertaan pelbagai kaum dalam program ini, kelestarian perpaduan juga dapat dicapai seterusnya menyumbang kepada pengukuhan integrasi nasional. Sekalung penghargaan diucapkan kepada Pejabat Pendidikan Daerah Port Dickson, Sekolah Menengah Kebangsaan Yam Tuan Radin Port Dickson, fasilitator, urus setia dan semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan Program Bermalam di Muzium 2025.



Penyertaan di *International Conference on AI* di UNESCO Samarkand



Lawatan ke Muzium Seni Gunaan Negara, Tashkent



Latihan Praktikal yang dijalankan sepanjang kursus dijalankan

Catatan Perjalanan Menimba Ilmu di ICCROM CollAsia 2025

Oleh: Intan Masayu binti Abdullah, Bahagian Penyelidikan dan Dokumentasi

UZBEKISTAN - Pada 27 Oktober hingga 15 November 2025, penulis telah berpeluang menyertai program ICCROM CollAsia 2025: *Observation, Documentation & Diagnosis of Collections*, satu program kursus intensif yang menghimpunkan para profesional pemuliharaan dari seluruh Asia. Kursus ini berlangsung di empat buah bandar bersejarah Uzbekistan iaitu Tashkent, Nukus, Samarkand dan Bukhara yang kaya dengan warisan tamadun Jalan Sutera. Program pada kali ini turut menerima tajaan daripada *Korea Heritage Service (KHS)* dengan kerjasama *Uzbekistan Art and Culture Development Foundation* yang menjadi hos kepada dua institusi muzium utama negara itu.

Sepanjang tiga minggu itu para peserta diberikan bimbingan mengikut modul teori dan praktikal berkaitan konservasi, dokumentasi dan diagnosis koleksi. Tenaga pengajar antarabangsa seperti Valerie Magar, Tomas Meraz, Sonia Caliaro, Krassy Frangova, Simon Thielen, Choi Gyuri, Lee Yoonjung, Son Myenghee dan Giorgia Bonesso berkongsi pengalaman serta pendekatan konservasi yang pelbagai merangkumi nilai, keaslian, perubahan bahan, serta hubungan antara konteks sejarah dan keadaan fizikal objek. Menerusi sesi pemerhatian pula, para peserta didedahkan tentang kaedah menilai perubahan permukaan, merekodkan kerosakan dan membuat interpretasi teknikal melalui lakaran, foto serta nota pemerhatian terperinci.

Salah satu aspek yang paling berkesan dalam kursus ini ialah penggunaan *Ishikawa Diagram* atau *Fishbone Diagram* sebagai pendekatan analisis risiko. Kaedah ini membantu peserta mengenal pasti punca kemerosotan koleksi melalui pemerhatian menyeluruh terhadap elemen persekitaran, faktor biologi, aspek pengendalian manusia, peralatan dan prosedur kerja serta sifat bahan objek itu sendiri. Melalui pendekatan ini, peserta bukan sahaja boleh mengenal pasti kerosakan tetapi juga memahami jaringan faktor yang saling berkait dan berpotensi menjejaskan integriti koleksi. Latihan diagnosis terhadap objek sebenar seperti tekstil, seramik, arkeologi dan etnografi mengukuhkan lagi kefahaman peserta terhadap teknik konservasi berasaskan data dan bukti.

Pembelajaran di lapangan melengkapkan keseluruhan pengalaman peserta di sepanjang kursus ini. Semasa berada di State Museum of the History and Culture of Uzbekistan, Tashkent, para peserta didedahkan dengan teknik pemerhatian koleksi arkeologi dalam persekitaran muzium sebenar sebelum ke State Museum of Karakalpakstan di Nukus, untuk melakukan proses dokumentasi koleksi seni moden dan etnografi dijalankan yang turut mempunyai cabaran tersendiri dari aspek penyimpanan serta keadaan bahan. Lawatan ke Registan di Samarkand pula memberi peluang kepada peserta untuk mempraktikkan dokumentasi seni bina dan analisis risiko persekitaran dalam

konteks warisan bandar yang sentiasa berubah. Kemudian, semasa di Bukhara State Museum of Art & Architecture pula peserta meneliti koleksi seni bina Islam serta persekitaran bangunan warisan yang masih aktif digunakan. Pemerhatian ini memberikan kefahaman yang lebih mendalam tentang hubungan antara penggunaan ruang dan keperluan konservasi jangka panjang.

CollAsia 2025 ini bukan sahaja memberikan peluang kepada semua peserta yang terlibat dengan modul latihan teknikal sahaja malahan turut menjadi platform pertukaran pandangan antara profesional dari pelbagai negara Asia. Perbincangan merentas budaya dan disiplin membuka perspektif baharu mengenai cabaran konservasi dalam dunia moden kini akibat daripada perubahan iklim, pembandaran pesat sehinggalah kepada keperluan untuk memupuk kesedaran masyarakat terhadap pemeliharaan warisan. Jalinan hubungan profesional ini turut mengukuhkan kerjasama serantau dalam usaha menjaga warisan bersama. Keseluruhannya, penyertaan penulis selaku wakil dari JMM dalam program ini bukan sahaja memperkayakan kemahiran teknikal, tetapi juga mengukuhkan kefahaman tentang tanggungjawab pemuliharaan dalam konteks global. Pengalaman ini memberi nilai tambah kepada usaha jabatan untuk memastikan koleksi negara terus terpelihara dengan berwibawa dan berdaya tahan.

Kursus Instrumentasi dan Kajian Saintifik Artifak Arkeologi 2025

Oleh: Nur Izma Syahida binti Muhammad Ashari, Bahagian Pengurusan Koleksi

Kursus Instrumentasi Dan Kajian Saintifik Artifak Arkeologi 2025 merupakan salah satu inisiatif strategik di bawah Memorandum Persefahaman (MoU) antara Jabatan Muzium Malaysia (JMM) dan Universiti Sains Malaysia (USM) bagi tempoh 2023–2026. Kursus ini diadakan untuk memberi pendedahan kepada kakitangan jabatan tentang peranan serta aplikasi sains dalam bidang arkeologi, khususnya dalam aspek analisis artifak bagi tujuan penyelidikan, pemeliharaan dan pemuliharaan warisan budaya negara. Kursus yang telah berlangsung pada 14-16 Oktober 2025 ini dikendalikan sepenuhnya oleh tenaga pakar dari Pusat Penyelidikan Arkeologi Global (PPAG), Universiti Sains Malaysia iaitu Prof. Dr. Stephen Chia, Dr. Suresh, dan Dr. Valet dengan bantuan beberapa fasilitator berpengalaman dalam bidang analisis saintifik arkeologi. Seramai 13 orang peserta telah menghadiri kursus ini iaitu 10 orang pegawai Bahagian Pengurusan Koleksi (termasuk pegawai MySTEP di bawah Projek ATUR), dua orang pegawai Bahagian Konservasi, serta seorang pegawai Muzium Negara.

Para peserta diberikan pendedahan komprehensif mengenai pelbagai kaedah analisis saintifik yang diaplikasikan terhadap sampel arkeologi serta bagaimana dapatan analisis tersebut dapat dimanfaatkan untuk tujuan pentafsiran sejarah, pemahaman konteks budaya dan penilaian teknologi masyarakat lampau. Antara teknik yang diperkenalkan termasuk 3D X-Ray, *Optical Stimulated Luminescence* (OSL/TL), *X-Ray Fluorescence* (XRF), *X-Ray Diffraction* (XRD) serta *Scanning Electron-Energy Dispersive* (SEM EDX). Setiap teknik ini memainkan peranan penting dalam memahami struktur dalaman, komposisi bahan serta perubahan fizikal dan kimia yang berlaku terhadap artifak sepanjang tempoh masa tertentu.

Selain sesi teori, kursus ini turut memberi penekanan kepada kaedah pembelajaran secara *hands-on*, di mana para peserta berpeluang menyediakan sampel sebenar serta melaksanakan sendiri analisis menggunakan pelbagai peralatan saintifik. Pendekatan berasaskan amali ini membolehkan peserta memperoleh kefahaman yang lebih menyeluruh mengenai proses penganalisan bahan arkeologi



di samping mampu meningkatkan keupayaan mereka dalam mentafsir data saintifik bagi tujuan penyelidikan dan pemuliharaan koleksi muzium. Analisis saintifik dalam bidang arkeologi memainkan peranan penting dalam mengenal pasti jenis bahan, menentukan usia dan asal-usul artifak, serta menilai perubahan yang berlaku akibat faktor persekitaran seperti suhu, kelembapan dan hakisan semula jadi.

Pemahaman terhadap aspek-aspek ini membantu ahli arkeologi dan kurator merancang kaedah penyimpanan, rawatan serta pemuliharaan yang lebih berkesan bagi memanjangkan jangka hayat artifak. Sebagai contoh, teknik *X-Ray Fluorescence* (XRF) digunakan untuk mengenal pasti unsur logam pada artifak gangsa bagi menilai tahap kakisan dan menentukan bahan kimia rawatan yang sesuai, manakala kaedah *Optical Stimulated Luminescence* (OSL/TL) diaplikasikan untuk menentukan usia bahan tanah liat atau seramik melalui pengukuran sinaran yang tersimpan di dalamnya.

Selain itu, Bahagian Pengurusan Koleksi (BPKol) turut mengambil inisiatif membawa sebanyak 10 koleksi

arkeologi yang dipamerkan di Galeri A, Muzium Negara untuk dianalisis secara saintifik sepanjang kursus ini dijalankan. Inisiatif ini bukan sahaja memperkukuh kefahaman peserta terhadap aplikasi sebenar kaedah analisis saintifik, malah turut membantu menambah baik maklumat teknikal, konteks interpretasi serta dokumentasi koleksi sedia ada di muzium.

Kesimpulannya, pelaksanaan kursus ini telah berjaya memperkukuh jalinan kerjasama strategik antara Jabatan Muzium Malaysia (JMM) dan Universiti Sains Malaysia (USM) dalam mempertingkatkan kemahiran saintifik dan penyelidikan dalam bidang arkeologi. Pendedahan terhadap teknologi dan pendekatan analisis saintifik telah memberi nilai tambah yang signifikan kepada kompetensi pegawai muzium, khususnya dalam pengurusan, penyelidikan dan pemuliharaan koleksi arkeologi negara. Usaha seperti ini wajar diteruskan secara berperingkat bagi memperkukuh kepakaran tempatan dalam bidang konservasi saintifik serta memastikan warisan arkeologi dan budaya Malaysia terus terpelihara untuk generasi akan datang.

PERPATIH FEST 2025

Oleh: Hayati binti Mohamad Zawawi, Muzium Adat



SEREMBAN – Bersempena Program Perpatih Fest 2025 anjuran Lembaga Muzium Negeri Sembilan, Muzium Adat telah diundang sebagai pempamer dalam program tersebut. Tema “Adat Dihayati, Warisan Dilestari” telah dipilih sebagai tema utama bagi program Perpatih Fest 2025 yang berlangsung selama tiga hari, mulai 10 hingga 12 Oktober 2025, bertempat di Muzium Negeri, Seremban, Negeri Sembilan.

Pelbagai aktiviti menarik telah dilaksanakan oleh Muzium Adat sepanjang tiga hari program berlangsung. Pengisian program berbentuk pendidikan dan interaktif seperti pameran adat-adat masyarakat di Malaysia, susun gambar artifak, bermain permainan tradisional, aktiviti DIY wayang kulit serta aktiviti kit STEM kipas elektrik dan lampu meja yang merupakan sumbangan daripada Yayasan Mr. DIY, dilihat berjaya merangsang minat pelbagai lapisan masyarakat. Aktiviti ini bukan sahaja meningkatkan kefahaman orang ramai, malah turut memupuk apresiasi terhadap adat dan budaya berbilang kaum di Malaysia.

Penyertaan Muzium Adat dalam Perpatih Fest 2025 membuktikan komitmen berterusan Muzium Adat dalam mendekatkan masyarakat kepada budaya tradisi serta memastikan adat dan warisan bangsa terus dilestarikan untuk generasi akan datang.

Majlis Peluncuran Kampung Angkat Madani, Jabatan Muzium Malaysia

Oleh: Mohd Jamil bin Haron, Kurator, Muzium Negara



KAMPUNG KUCHELONG – 20 September 2025, suasana Kampung Kuchelong pada hari ini penuh dengan kemeriahan sempena Majlis Peluncuran Kampung Angkat Madani iaitu satu inisiatif berimpak tinggi yang bertujuan memperkasa pembangunan komuniti selaras dengan agenda Malaysia MADANI. Majlis bersejarah ini telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Kamarul Baharin bin A. Kasim, Ketua Pengarah, Jabatan Muzium Malaysia dengan kehadiran beberapa tetamu kehormat lain antaranya Ketua Polis Daerah Bachok, Yang Dipertua PIBG SK Kuchelong, Timbalan Ketua Pengarah (Permuziuman) serta Pengarah Bahagian Dasar dan Pembangunan, Jabatan Muzium Malaysia.

Program Kampung Angkat Madani (KAM) bertujuan untuk merapatkan jurang pembangunan antara desa dan bandar. Inisiatif ini memberi penekanan kepada penyediaan kemudahan asas seperti bekalan air, elektrik, jalan raya, lampu jalan, kemudahan komuniti serta capaian internet.

Dalam ucapannya, YBhg. Ketua Pengarah, Jabatan Muzium Malaysia menegaskan bahawa inisiatif Kampung Angkat Madani bukan sekadar program jangka pendek tetapi sebuah pelaburan masa depan untuk membina komuniti desa yang lebih progresif dan berdaya saing. Menurutnya lagi, projek yang dilaksanakan adalah seperti berikut;

- Kerja-kerja naik taraf surau buruk, membina wakaf dan kerja pembersihan tanah perkuburan.
- Kerja-kerja naik taraf Madrasah Tok Ayah.
- Kerja-kerja menurap semula jalan Kampung Kuchelong ke Kampung Padang Lati.
- Kerja-kerja naik taraf lorong gelanggang futsal, pagar kawasan mini kompleks sukan serta pemasangan lampu solar.
- Kerja-kerja pembinaan gelanggang futsal, petanque, bola tampar dan tandas awam.

Bersempena dengan Majlis Peluncuran KAM turut diadakan pelbagai aktiviti yang melibatkan penyertaan agensi-agensi kerajaan dan swasta di Kelantan. Antara agensi yang mengambil bahagian ialah Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Kelantan, Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara Bachok, Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) Negeri Kelantan, Jabatan Penerangan Kelantan, Agensi Anti Dadah Kebangsaan Bachok, Jabatan Kebajikan Masyarakat Jajahan Bachok, Rozaimi Optometrist Sdn. Bhd., Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM), Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, Sekolah Kebangsaan Kuchelong dan MARA Daerah Bachok.

Adalah menjadi harapan dengan peluncuran Kampung Angkat Madani ini menandakan permulaan transformasi penting ke arah menjadikan Kampung Kuchelong sebagai model komuniti desa berdaya maju, berdaya saing dan mampan.

SEMINAR PENGKISAHAN PERJUANGAN TENGKU MENTERI NGAH IBRAHIM SEMPENA ULANG TAHUN KE-150 PEMBUNUHAN J.W.W. BIRCH DAN 130 TAHUN PEMERGIAN TENGKU MENTERI NGAH IBRAHIM

Oleh : Nur Nasihah binti Mohamed Ariffin, Muzium Matang



MUZIUM MATANG – Pada 1 November 2025, telah berlangsung dengan jayanya satu acara bersejarah iaitu Seminar Memperingati Perjuangan Tengku Menteri Ngah Ibrahim serta Peluncuran Buku Kota Ngah Ibrahim dalam Lipatan Sejarah bertempat di Dewan Seminar Muzium Matang. Program ini merupakan hasil sinergi antara Persatuan Warisan Perak dengan Jabatan Muzium Malaysia (JMM) melalui Muzium Matang.

Majlis perasmian dan peluncuran buku tersebut telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Dato' Mohammad Zahir bin Dato' Abdul Khalid, Yang Dipertua Dewan Negeri Perak. Turut memeriahkan acara ialah waris keluarga Ngah Ibrahim, termasuk Yang Amat Berbahagia Orang Kaya Menteri Paduka Tuan, Dato' Haji Wan Mohd Isa bin Dato' Haji Wan Mohd Razali, yang menzahirkan penghargaan atas usaha berterusan dalam memartabatkan legasi keluarga mereka.

Seminar berkenaan dianjurkan bersempena ulang tahun ke-150 peristiwa pembunuhan Residen British pertama di Perak, J.W.W. Birch (1875–2025) serta ulang tahun ke-130 pemergian Tengku Menteri Ngah Ibrahim (1895–2025), yang menjadi simbol keteguhan semangat rakyat Perak dalam mempertahankan maruah bangsa dan kedaulatan negeri daripada tekanan penjajahan. Pembentangan seminar oleh Encik Nor Hisham bin Zulkiflee daripada Persatuan Warisan Perak memberi tumpuan kepada peranan Tengku Menteri Ngah Ibrahim dalam aspek politik, ekonomi dan sosial pada zamannya, termasuk hubung kaitnya dengan peristiwa bersejarah pembunuhan J.W.W. Birch di Pasir Salak.

Majlis turut menyaksikan peluncuran buku *Kota Ngah Ibrahim dalam Lipatan Sejarah*, hasil penyelidikan Puan Nor Aini binti Hassan, Ketua Muzium Matang yang menghimpunkan kajian mengenai sejarah, seni bina serta kepentingan warisan Kota Ngah Ibrahim sebagai simbol keteguhan semangat perjuangan anak watan menentang penjajahan.

Seramai 110 orang peserta daripada pelbagai latar belakang, termasuk wakil pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan penyelidik, hadir memeriahkan program yang turut mencerminkan semangat perpaduan serta selari dengan usaha memperkukuh keharmonian masyarakat majmuk negara.



Bengkel Design Thinking With Stakeholder

Oleh : Fadhliatun binti Azmi, Muzium Tekstil Negara

KUALA LUMPUR – Pada 7 hingga 9 Oktober 2025, Jabatan Muzium Malaysia (JMM) menerusi Muzium Tekstil Negara di bawah payung Memorandum Persefahaman 2023-2026 bersama Universiti Teknologi MARA (UiTM) serta Norwegian University of Science and Technology (NTNU), Norway, telah menganjurkan *Design Thinking Workshop with Stakeholders: Co-Creating Tomorrow's Museum*. Bengkel intensif selama tiga hari melibatkan 30 peserta yang terdiri daripada wakil pelbagai muzium dan bahagian di bawah JMM.

Majlis perasmian bengkel telah disempurnakan oleh YBrs. En. Mohd Razaimi bin Hamat, Timbalan Ketua Pengarah (Permuziuman), JMM. Dalam ucapan perasmian, beliau menegaskan bahawa penganjuran bengkel ini amat bertepatan dengan hasrat jabatan untuk memberi penekanan terhadap kepentingan inovasi serta penerapan kaedah pemikiran baharu bagi memperkukuh pengalaman pengunjung muzium di era millennium.

Bengkel ini dipandu oleh tenaga pengajar daripada Jabatan Reka Bentuk Industri (Industrial Design), Fakulti Seni Lukis & Seni Reka, UiTM, dengan sesi fasilitasi turut dibantu oleh pensyarah UiTM dan Universiti Putra Malaysia (UPM). Kepakaran akademik dalam bidang reka bentuk, pemikiran kreatif dan pembangunan pengalaman pengguna telah membuka dimensi serta pengalaman pembelajaran baharu kepada para peserta sepanjang bengkel berlangsung. Peserta mengikuti lima modul *Design Thinking* iaitu Empati, Penakrifan Masalah, Penciptaan Idea, Prototaip dan Pengujian. Modul-modul ini dilaksanakan menerusi pelbagai aktiviti seperti kajian lapangan, penjanaan idea, pembinaan *journey map*, serta pembangunan prototaip kreatif menggunakan bahan visual dan LEGO. Penglibatan pakar antarabangsa dari NTNU Norway turut membuka perspektif baharu terhadap peranan dan hala tuju muzium di masa hadapan.

Bengkel ini diakhiri dengan sesi pembentangan akhir oleh setiap kumpulan kepada panel penilai. Secara keseluruhannya, program ini bukan sahaja menggalakkan inovasi tetapi juga memperkukuh kerjasama antara muzium, akademik dan rakan antarabangsa dalam membentuk pengalaman pelawat yang lebih bermakna dan berimpak tinggi.

ALOR SETAR - Pada 22 November 2025, bertempat di Sekolah Kebangsaan Simpang 3, Padang Hang, Alor Setar, Muzium Kota Kuala Kedah telah dijemput untuk menjayakan pameran dan aktiviti sempena Sambutan Jubli Intan 70 Tahun sekolah tersebut. Program yang berlangsung dari jam 9.00 pagi hingga 2.00 petang ini telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Mohd Zamri bin Abdul Hamid, Timbalan Presiden Dewan Perniagaan Usahawan Malaysia-Asia (MAECC).

Pengisian pameran merangkumi paparan sejarah Kota Kuala Kedah, permainan tradisional seperti congkak dan batu seremban, aktiviti puzzle serta kuiz berkaitan sejarah Kota Kuala Kedah. Selain itu, dua aktiviti khas iaitu *The Light Bulb Is On* dan *Aerodynamic Vehicle* yang ditaja oleh Yayasan MR DIY turut diadakan dan menerima sambutan yang sangat menggalakkan daripada para pelajar.

Melalui pameran ini, pelajar berpeluang mengetahui sejarah pembangunan Kota Kuala Kedah bermula dari era pemerintahan Sultan Sulaiman (1602-1620) sehingga zaman kejatuhan Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II (1804-1845). Pendedahan ini membantu menghubungkan pelajar dengan sejarah negeri Kedah melalui pendekatan yang lebih interaktif dan mudah difahami.

Secara keseluruhannya, program ini bukan sahaja memperkenalkan Muzium Kota Kuala Kedah kepada warga sekolah, malah berjaya memperkukuh jaringan kerjasama antara pihak muzium dan institusi pendidikan dalam usaha memupuk minat pelajar terhadap sejarah dan warisan negara.

PAMERAN SEMPENA SAMBUTAN JUBLI INTAN 70 TAHUN SEKOLAH KEBANGSAAN SIMPANG TIGA

Oleh: Zamzarina binti Khalid, Muzium Kota Kuala Kedah



KRAF & ARTIFAK GELANG MANIK: RANTAIAN PERPADUAN SEMPENA HARI MALAYSIA

Oleh: Ayu Suzelawati binti Ibeni Yanin, Muzium Tekstil Negara.

KUALA LUMPUR – Pada 16 September 2025, Muzium Tekstil Negara telah menganjurkan aktiviti Kraf & Artifak Gelang Manik: Rantai Perpaduan bertempat di lobi muzium sempena sambutan Hari Malaysia. Aktiviti ini berjaya menarik penyertaan pengunjung daripada pelbagai lapisan masyarakat yang hadir untuk merasai pengalaman pembuatan gelang manik secara langsung.

Aktiviti ini memberi tumpuan kepada pembuatan gelang manik menggunakan gabungan warna Jalur Gemilang serta corak berinspirasi motif Borneo. Para peserta dibimbing untuk menghasilkan gelang mereka sendiri menggunakan manik berwarna-warni yang melambangkan keunikan dan kepelbagaian budaya Malaysia. Hasil karya yang terhasil bukan sahaja menjadi cenderamata peribadi, malah menjadi simbol kecil semangat kebersamaan yang diraikan sempena Hari Malaysia.

Objektif aktiviti ini iaitu memupuk semangat perpaduan, kebersamaan dan rasa hormat terhadap kepelbagaian budaya melalui medium seni kraf. Gelang manik yang dihasilkan mencerminkan ikatan harmoni antara kaum, budaya dan generasi, sejajar dengan mesej Hari Malaysia yang menekankan penghargaan terhadap kemerdekaan serta usaha mengekalkan keharmonian negara.

Selain memperkenalkan teknik asas pembuatan gelang manik, aktiviti ini turut menjadi wadah pendidikan budaya melalui pendedahan kepada nilai estetika dan simbolik seni kraf tradisional. Pendekatan ini bukan sahaja memberikan

pengalaman kreatif yang menyeronokkan, tetapi turut memperluas pengetahuan masyarakat tentang warisan seni tekstil dan manik di Malaysia.

Aktiviti ini diharap dapat memperkukuh semangat patriotisme, memupuk kecintaan terhadap warisan budaya serta mengukuhkan peranan Muzium Tekstil Negara sebagai ruang interaksi masyarakat yang meraikan kepelbagaian dalam satu identiti kebangsaan.



PROGRAM INSPIRASI PELAJAR INOVASI MUZIUM (IPIM) SIRI 2 TAHUN 2025 DI MUZIUM SENI BINA MALAYSIA

Oleh: Muhammad Muzammil Syukri bin Mizan, Muzium Seni Bina Malaysia



MELAKA - Program Inspirasi Pelajar Inovasi Muzium telah dijayakan pada 11 November 2025 di Muzium Seni Bina Malaysia dengan mengangkat tema "Pengaruh Islam di Asia Tenggara", selaras dengan silibus Sejarah Tingkatan 4. Program yang berlangsung dari jam 8.00 pagi hingga 2.00 petang ini telah dihadiri oleh seramai 29 orang pelajar dan 3 orang guru dari Sekolah Menengah Teknik Melaka, SMK Dato' Abdul Rahman Ya'akub, dan SMK Sungai Udang.

Bagi memastikan pengalaman pembelajaran yang holistik, program ini

disusun secara strategik kepada lima sesi utama bermula dengan taklimat, sesi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP), lawatan berpandu, sesi pengukuhan dan diakhiri dengan sesi refleksi. Melalui pendekatan ini, modul komprehensif tersebut berjaya mengubah persepsi pelajar bahawa muzium adalah tempat yang statik, sebaliknya berperanan sebagai sebuah hab ilmu yang memaparkan evolusi tamadun serta estetika seni bina Malaysia.

Kemuncak program ini ialah sesi aktiviti *hands-on* selama dua jam yang mencabar

keaktiviti serta kemahiran pelajar dalam pembuatan tabung tradisional dan seni ukiran. Menariknya, para pelajar didedahkan kepada teknik "tanggam", iaitu satu kaedah kejuruteraan Melayu tradisional yang menggabungkan sambungan kayu tanpa menggunakan sebatang paku. Pembuatan tabung ini bukan sahaja mengimbuai amalan menabung masyarakat terdahulu yang menggunakan bahan kayu, malah turut membuka mata pelajar tentang kebijaksanaan dan kehalusan seni pertukangan nenek moyang yang menitikberatkan fungsi dan estetika dalam kehidupan seharian.

Secara keseluruhannya, rata-rata pelajar melahirkan rasa teruja, khususnya mereka yang pertama kali menjejaskan kaki ke Muzium Seni Bina Malaysia. Keterlibatan secara langsung dalam penghasilan kraf tradisional telah berjaya menyemai rasa bangga dan cinta terhadap warisan sejarah yang dimiliki. Kesimpulannya, inisiatif seumpama ini wajar diperluaskan secara berkala kerana terbukti berkesan dalam memupuk minat pelajar untuk terus meneroka khazanah sejarah negara, sekali gus memastikan warisan seni bina Malaysia terus terpelihara dan tidak lapuk ditelan zaman.

KURSUS PEMULIHARAAN DAN PEMELIHARAAN ARTIFAK LOGAM MENGGUNAKAN TEKNIK KONSERVASI TREHALOSE

Oleh: Mohd Radhi bin Ismail, Bahagian Pengurusan Konservasi



KUALA LUMPUR - Kursus Pemuliharaan Dan Pemeliharaan Artifak Logam Menggunakan Teknik Konservasi Trehalose anjuran Bahagian Pengurusan Konservasi, Jabatan Muzium Malaysia (JMM) telah berlangsung pada 21 hingga 23 Oktober 2025 di JMM. Kursus ini bertujuan untuk mempelajari teknik baharu menggunakan trehalose dalam kerja-kerja pemuliharaan artifak logam. Kursus ini telah mendapat kerjasama tenaga pengajar dari Jepun iaitu Prof. Dr. Itoh Kohji, Tohoku University of Art and Design, Prof. Dr. Hisa Yoichiro, Nara University, dan beberapa konservator dari Tohoku University of Art And Design, Kyushu Historical Museum dan Tohoku History Museum serta pelajar-pelajar dari universiti Jepun.

Kursus ini merangkumi sesi ceramah, latihan amali serta lawatan tapak ke Muzium Lukut, Negeri Sembilan dan Lokomotif Seri Menanti untuk menilai keadaan artifak sebenar dan membincangkan kaedah pemuliharaan dan pemeliharaan yang sesuai. Peserta diberi peluang menjalankan eksperimen, berbincang tentang cabaran konservasi, dan menilai hasil kerja masing-masing. Para peserta turut dibahagikan kepada beberapa kumpulan kecil yang akan menjalankan eksperimen masing-masing. Prof. Dr. Itoh Kohji telah memberikan penerangan terperinci mengenai kaedah konservasi menggunakan trehalose terhadap artifak logam. Beliau menekankan beberapa

aspek penting dalam teknik konservasi trehalose yang perlu dipatuhi bagi mendapatkan hasil yang baik.

Penganjuran bengkel ini menjadi titik permulaan kerjasama erat antara kedua-dua negara, khususnya dalam sektor permuziuman dan konservasi, serta dapat diteruskan pada masa hadapan melalui perkongsian ilmu dan teknologi terkini, terutamanya dalam bidang sains dan teknologi konservasi artifak. Program berakhir dengan penyampaian sijil kepada peserta dan penghargaan kepada tenaga pengajar dari Jepun.



DELEGASI TRILATERAL COOPERATION SECRETARIAT (TCS) DARI REPUBLIK KOREA - 26 OKTOBER 2025



KUNJUNGAN HORMAT OLEH YBRS. ENCIK AZIZ BIN HAJI MOHD GORIP, PENGARAH LEMBAGA MUZIUM NEGERI SEMBILAN KEPADA YBHG. DATUK KP - 18 SEPTEMBER 2025



KUNJUNGAN HORMAT PENGARAH ARKIB NEGERI SABAH KE JABATAN MUZIUM MALAYSIA - 13 NOVEMBER 2025



PERSARAAN EN MOHD TAJUL ARUS BIN MOHD NOR
23 OKTOBER 2025



PERSARAAN EN KHAIRUL ANUAR BIN ISMAIL
27 DISEMBER 2025



LAWATAN RASMI DELEGASI ISTERI-ISTERI ANGKATAN TENTERA
THAILAND KE MUZIUM NEGARA SEMPERA PROGRAM 12TH ASEAN
DEFENCE MINISTERS MEET

PROGRAM INSPIRASI PELAJAR INOVASI MUZIUM (IPIIM) SIRI 2 DI MUZIUM KOTA KUALA KEDAH

Oleh: Zamzarina binti Khalid, Muzium Kota Kuala Kedah



KOTA KUALA KEDAH – Pada 25 November 2025, Muzium Kota Kuala Kedah telah menganjurkan Program Inspirasi Pelajar Inovasi Muzium (IPIIM) Siri 2. Program yang melibatkan penyertaan seramai 39 orang murid Tahun 5 dan lima orang guru pengiring dari Sekolah Kebangsaan Haji Ismail ini bertujuan untuk memupuk minat pelajar terhadap mata pelajaran sejarah melalui pendekatan pembelajaran berasaskan pengalaman di muzium. Program dimulakan dengan sesi taklimat pengenalan IPIIM dan kepentingannya serta peranan muzium yang disampaikan oleh Ketua Muzium Kota Kuala Kedah. Kemudian, para pelajar perlu mengikuti sesi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) bagi mata pelajaran Sejarah yang memfokus kepada Tajuk 7: Perjuangan Kemerdekaan Negara. Sesi PdP ini dikendalikan oleh guru sejarah yang turut memberikan penjelasan komprehensif dan interaktif agar pelajar lebih memahami perjalanan perjuangan tokoh-tokoh kemerdekaan. Selepas sesi PdP, para pelajar dibawa melawat ke galeri pameran Muzium Kota Kuala Kedah. Lawatan ini memberi peluang kepada pelajar melihat sendiri artifak, maklumat sejarah serta tinggalan berkaitan Kota Kuala Kedah dan perkembangan sejarah negeri Kedah. Pengalaman ini membantu menghubungkan

pembelajaran di dalam kelas dengan bukti nyata di galeri pameran, sekaligus mengukuhkan pemahaman mereka terhadap sejarah tempatan.

Bagi aktiviti pengukuhan, pelajar turut diberikan peluang mengikuti aktiviti *casting* dan *moulding*. Aktiviti ini bertujuan memberi pendedahan kepada para pelajar tentang proses pembuatan acuan artifak sebagaimana yang dilakukan dalam bidang penyediaan bahan pameran. Menerusi aktiviti ini, pelajar dapat memahami bagaimana acuan artifak dihasilkan untuk tujuan pendidikan, konservasi dan penyampaian maklumat dalam sesebuah pameran muzium.

Secara keseluruhannya, Program Inspirasi Pelajar Inovasi Muzium (IPIIM) Siri 2 ini telah mencapai objektif penganjurannya dengan baik. Program ini bukan sahaja mampu mengukuhkan pengetahuan sejarah dalam kalangan pelajar, malah berjaya mewujudkan pengalaman pembelajaran yang lebih bermakna, kreatif dan lebih berimpak. Muzium Kota Kuala Kedah komited untuk terus melaksanakan program seumpama ini pada masa hadapan demi memperkukuh minat generasi muda terhadap sejarah dan warisan negara.

SAMBUTAN MINGGU INTEGRITI BERSEMPENA DENGAN SAMBUTAN BULAN INTEGRITI NASIONAL 2025

Oleh: Hasnah binti Osman, Unit Integriti



PUTRAJAYA – Pada 18 November 2025, Kementerian Perpaduan Negara (KPN) telah mengadakan Sambutan Minggu Integriti bersempena dengan Sambutan Bulan Integriti Nasional 2025 di Dewan Damar Sari, KPN dengan tema **Integriti Teras Kesejahteraan Negara**. Minggu Integriti yang disambut pada bulan November setiap tahun ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran nilai serta memupuk budaya kerja beretika, telus dan bertanggungjawab integriti dalam kalangan warga KPN dan agensinya. Selain itu, program ini turut menggalakkan penyertaan aktif warga kementerian dalam program-program pembudayaan integriti serta mengukuhkan reputasi organisasi sebagai sebuah kementerian yang berpegang teguh kepada prinsip tadbir urus baik.

Sambutan Hari Integriti ini turut dimeriahkan dengan beberapa pengisian utama sambutan iaitu Ceramah Integriti: *Be a Buddy, Why Bully* yang disampaikan oleh Encik Azizulrahman bin Haji Samian, Ketua Penolong Setiausaha Kanan, Bahagian Psikologi dan Kaunseling, Kementerian Pendidikan Malaysia. Selain

itu, turut terdapat sebanyak 13 agensi yang terlibat sebagai pempamer bagi memeriahkan lagi sambutan ini termasuk Kawasan Rukun Tetangga (KRT) yang menunjukkan komitmen tinggi dalam memperkukuhkan budaya integriti di semua peringkat.

YBhg. Dato' Haslina binti Abdul Hamid, Ketua Setiausaha, Kementerian Perpaduan Negara telah menyempurnakan Majlis Perasmian Penutupan yang dihadiri barisan pegawai dan kakitangan kementerian dan pengurusan tertinggi setiap agensi di bawah KPN. Turut diacarakan majlis Penganugerahan Anugerah Persona Integriti KPN kepada pegawai dan kakitangan jabatan dibawah KPN yang terpilih. Puan Roslelawati Awang@Abdullah dan Encik Muhammad Nahar Wafi bin Nasruddin masing-masing telah menerima Anugerah Persona Integriti bagi kategori Pengurusan & Profesional serta kategori Kumpulan Pelaksana, Jabatan Muzium Malaysia.

Selain itu, Encik Mohd Fakaruddin bin Sakeri, dari Muzium Labuan turut menerima hadiah setelah memenangi tempat ke-4 dalam Pertandingan Mencipta Logo Integriti Kementerian Perpaduan Negara. Penganugerahan ini merupakan pengiktirafan kepada kakitangan yang menunjukkan prestasi yang cemerlang dalam melaksanakan tanggungjawab serta memiliki peribadi yang unggul dan berintegriti.

Minggu Integriti 2025 bukan sekadar sambutan tahunan sahaja malah menjadi tanda komitmen berterusan Kementerian Perpaduan Negara dalam membina organisasi yang utuh, beramanah dan berintegriti tinggi. Sambutan bulan integriti ini berjaya menunjukkan komitmen dan penglibatan agensi-agensi di bawah kementerian ini dalam membina organisasi yang utuh, beramanah dan berintegriti tinggi.

Program Bermalam di Muzium Matang 2025

Oleh : Nordiana binti Nordin, Muzium Matang

MUZIUM MATANG - Program Bermalam Di Muzium 2025 telah dilaksanakan secara serentak di 31 buah muzium di seluruh negara pada 13 dan 14 September 2025. Muzium Matang berjaya menghimpunkan seramai 50 orang peserta pelajar sekolah menengah dengan tema "Kurator Muda" yang bertujuan memperkenalkan peranan kurator dalam memelihara warisan sejarah, budaya dan alam semula jadi negara.

Program ini diserikan dengan penyertaan pelajar dan guru pengiring dari Sekolah Menengah Kebangsaan Kamunting, Sekolah Menengah Kebangsaan Convent Taiping, Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Jana dan Sekolah Menengah Kebangsaan Gunung Rapat. Program dua hari satu malam ini memberi peluang kepada peserta untuk merasai pengalaman bermalam di muzium, sambil mendalami nilai warisan secara lebih dekat.

Antara pengisian program adalah Slot Kurator Muda dimana peserta diberikan pendedahan terhadap peranan kurator dalam aspek penjagaan dan dokumentasi artifak. Para peserta telah dibahagikan kepada lima kumpulan dan dikehendaki melaksanakan aktiviti ekskavasi. Setiap kumpulan menerima satu set ekskavasi dan perlu menyelesaikan beberapa tugas yang ditetapkan. Tugas pertama ialah pembersihan artifak, dimana para peserta menjalankan kerja-kerja pembersihan artifak dengan kaedah yang betul. Seterusnya ialah penilaian kondisi, melibatkan pemeriksaan keadaan artifak dan perekodan hasil pemerhatian. Tugas ketiga merangkumi proses konservasi dan restorasi yang perlu disempurnakan mengikut panduan yang diberikan. Akhir sekali, peserta melaksanakan tugas pendokumentasian dengan memuat naik hasil aktiviti restorasi artifak ke media sosial sebagai usaha mendidik serta meningkatkan kesedaran tentang kepentingan pemuliharaan warisan.

Bagi slot Harmoni Dalam Kepelbagaian, setiap kumpulan perlu menghasilkan model miniatur budaya pelbagai kaum di Malaysia untuk memupuk semangat perpaduan dalam kalangan peserta. Empat tema utama telah ditetapkan sebagai panduan penghasilan model, iaitu permainan tradisional, pakaian etnik, makanan tradisional, dan alat muzik. Selain itu, sukan tradisional turut dianjurkan sebagai sebahagian daripada pengisian program.

Pada sebelah malam, program diisi dengan Ceramah Akademi Kenegaraan, iaitu sesi pengukuhan semangat patriotisme yang disampaikan oleh penceramah jemputan, Encik Mohd Aiman Aizat bin Mohd Tahir, Penolong Pengarah Akademi Kenegaraan Malaysia Negeri Perak. Dalam sesi tersebut, beliau turut menggunakan permainan Kahoot! sebagai platform pembelajaran interaktif bagi menjadikan penyampaian lebih menarik serta melibatkan penyertaan aktif para peserta.

Bagi aktiviti TikTok Sejarah, para peserta perlu menghasilkan kandungan kreatif berasaskan sejarah dengan menggunakan artifak terpilih yang dipamerkan di muzium. Antara artifak yang digunakan termasuk amang bijih timah, blok tumbuk duit timah, lampu kapal, dan dulang bijih timah. Aktiviti ini bertujuan meningkatkan pemahaman peserta terhadap warisan sejarah negara serta memupuk rasa penghargaan terhadap khazanah budaya.

Aktiviti hari kedua diteruskan dengan Wira *Fun Walk*@Muzium. Peserta dikehendaki memakai pakaian yang melambangkan wira atau tokoh pilihan masing-masing. Laluan Jejak Warisan Sejarah bermula dari pintu utama Muzium Matang, melalui laluan kampung Sungai Malawati, sebelum peserta berhimpun di Balai Penghulu Mukim Matang. Acara kemudian diakhiri di pintu masuk Rumah Pengawal Keselamatan Ngah Ibrahim sebagai titik penamat laluan.


Majlis Penutup Program Bermalam Di Muzium 2025 telah diadakan secara langsung dari Auditorium Muzium Budaya Borneo dan disempurnakan oleh Premier Sarawak, YAB Datuk Patinggi Tan Sri Dr. Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg. Program ini memberikan peluang kepada para peserta untuk memahami pemeliharaan, pendokumentasian, dan penginterpretasian warisan negara sambil memperkukuh semangat kenegaraan dan kesedaran sejarah dalam kalangan pelajar.



BICARA@MUZIUM:

SONGKET 2 WAJAH

Oleh: Fadhliaun binti Azmi, Muzium Tekstil Negara



KUALA LUMPUR - Bicara@Muzium edisi dalam talian anjuran Muzium Tekstil Negara bagi siri ketiga tahun ini berlangsung melalui platform *Zoom Meeting* dan *Facebook Muzium Tekstil Negara* pada 11 November 2025, jam 10.00 pagi. Program ini menentengahkan tema keunikan Songket Dua Wajah yang disampaikan oleh KIP Ab. Fadhl bin Ab. Rashid, Ketua Inspektor Penjara, dengan bantuan SM Masdi bin Salim dari Penjara Marang, Terengganu. Perkongsian ini memberi tumpuan kepada pengalaman serta perkembangan tenunan songket yang dihasilkan di Penjara Marang.

Sesi ini membawa penonton menyelami teknik tenunan unik yang menjadi identiti Penjara Marang iaitu Songket Dua Wajah merujuk kepada sehelai kain yang menampilkan dua corak berbeza dan boleh dipakai pada kedua-dua permukaannya. Inovasi ini menggabungkan teknik belahan benang loseng bagi menghasilkan motif di permukaan atas, manakala permukaan bawah disempurnakan dengan sulaman manual untuk menghasilkan corak yang berlainan. Teknik ini memperlihatkan kreativiti serta penelitian tinggi dalam penghasilan tekstil tradisional.

Menerusi sesi tersebut, KIP Ab. Fadhl turut berkongsi sejarah awal bengkel songket di Penjara Marang yang bermula pada tahun 2004 dengan hanya mempunyai dua kek tenun dan beberapa orang penghuni sahaja. Bermula dari usaha yang sederhana ini, bengkel tersebut mula berkembang dari masa ke semasa menjadi sebuah kompleks songket yang memberi latihan kemahiran dalam pelbagai teknik tenunan. Antara produk yang dihasilkan termasuk Songket Dua Muka, Songket Selayer Marang, Songket Ikat Cuai dan Songket 4 Karat yang menggambarkan kepakaran yang semakin berkembang.

Songket yang dihasilkan di Penjara Marang turut menerima pelbagai pengiktirafan, termasuk pengesahan sebagai songket asli tenunan tangan serta kejayaan dalam pertandingan kraf di peringkat antarabangsa. Penekanan terhadap kualiti dan pematuhan kepada piawaian MS ISO terus mengangkat kredibiliti hasil tenunan mereka di peringkat tempatan dan antarabangsa.

Sesi soal jawab turut memberi peluang kepada penonton untuk memahami dengan lebih mendalam proses, teknik dan inovasi yang dikongsi oleh para pembentang, secara tidak langsung mengukuhkan peranan Muzium Tekstil Negara sebagai platform yang mendekatkan masyarakat kepada warisan tekstil serta menyebarkan pengetahuan untuk generasi akan datang.

DISEBALIK TABIR PENG GAMBARAN KISAH HIDUPKU: KURATOR

Oleh: Norhidayah binti Ramely, Bahagian Komunikasi Korporat



KUALA LUMPUR – Pada 13 hingga 14 Ogos 2025 yang lalu, Jabatan Muzium Malaysia (JMM) menjadi lokasi tumpuan bagi sesi penggambaran rancangan dokumentari realiti, “Kisah Hidupku”. Episod istimewa bertajuk “Kurator” ini menampilkan YBhg. Datuk Kamarul Baharin bin A. Kasim, Ketua Pengarah JMM telah berkongsi pengalaman peribadi dan visi beliau dalam memartabatkan institusi permuziuman negara.

Sesi penggambaran ini bertujuan untuk menonjolkan peranan kritikal JMM dalam usaha memelihara dan memulihara artifak serta khazanah negara yang sering dipandang sepi oleh masyarakat umum.

Dalam sesi perkongsian beliau semasa rakaman tersebut, Datuk Kamarul Baharin telah memperbetulkan salah tanggapan bahawa skop tugas kurator hanya terhad kepada penjagaan artifak purba di dalam bangunan. Beliau mengumpamakan kerjaya kurator seperti seorang doktor, satu profesion yang menuntut kepakaran pelbagai disiplin (*multi-discipline*) bagi memastikan kelangsungan dan kelestarian warisan negara.

Skop kerjaya kurator adalah amat luas. Menurut Datuk Kamarul Baharin, istilah kurator adalah istilah generik yang turut diguna pakai dalam pelbagai bidang, termasuk di zoo bagi individu yang bertanggungjawab menjaga hidupan, serta di balai seni bagi pakar yang mengurus dan memelihara lukisan serta arca. Di JMM, peranan kurator merangkumi kepakaran dalam pengurusan koleksi, konservasi, pameran, sehinggalah kepada bidang alam semula jadi.

Antara visual menarik yang berjaya dirakam lensa kamera adalah ketelitian warga kerja JMM di bahagian konservasi, bahagian pengurusan koleksi, penyediaan pameran serta pelaksanaan tugas-tugas penyelidikan. Penonton berpeluang menyaksikan proses mencantumkan semula serpihan tembikar zaman silam dengan penuh ketelitian, selain kerja-kerja pembersihan keris dan artifak logam menggunakan peralatan khusus. Kesemua proses ini mencerminkan komitmen berterusan JMM dalam memastikan warisan negara kekal terpelihara untuk tatapan generasi akan datang.

Kisah penuh dedikasi Datuk Kamarul Baharin dan warga kerja Jabatan Muzium Malaysia ini telah disiarkan menerusi saluran Astro Prima pada Jumaat, 12 September 2025.

PROGRAM JANGKAUAN LUAR MUZIUM ALAM SEMULAJADI DI SEKOLAH KEBANGSAAN KOTA WARISAN, SEPANG

Oleh: Muhammad Afiq bin Azizan, Muzium Alam Semulajadi

SEPANG - Program Jangkauan Luar siri ke-8 Muzium Alam Semulajadi telah berjaya diadakan di Sekolah Kebangsaan Kota Warisan, Sepang, pada 16 Disember 2025. Hampir semua kakitangan muzium terlibat, berinteraksi secara langsung dengan para pelajar mengenai koleksi spesimen terpilih yang dipamerkan. Tujuan utama program ini ialah untuk memberikan pendedahan kepada pelajar sekolah mengenai kekayaan biodiversiti Malaysia, memperkenalkan flora dan fauna tempatan, serta menekankan kepentingan pemeliharaannya. Antara pengisian program ialah penerangan mengenai peranan dan skop kerja Muzium Alam Semula Jadi, pameran mini koleksi zoologi merangkumi spesimen serangga, mamalia dan hidupan akuatik, selain aktiviti praktikal seperti pemasangan *jigsaw puzzle*, roda kuiz dan pemasangan lampu kecil.

Bahan aktiviti praktikal ini dibekalkan oleh Yayasan Mr. DIY bagi memupuk minat pelajar terhadap bidang STEM (Sains, Teknologi, Kejuruteraan, Matematik). Secara keseluruhan, program ini telah menarik kira-kira 2,200 pelajar untuk mengunjungi reruai Muzium Alam Semulajadi dan semoga program ini dapat mencapai objektifnya untuk memupuk minat di kalangan pelajar supaya mengenali dan menghargai khazanah biodiversiti yang ada di negara ini.



PROGRAM MUZIUM@ KOMUNITI: KENALI MUZIUM ADAT DI KAWASAN RUKUN TETANGGA (KRT) TAMAN BUKIT MAHOGANI, KUALA KLANG, JELEBU NEGERI SEMBILAN

Oleh: Mohd Azlan bin Faidir, Muzium Adat

JELEBU - Muzium Adat telah menganjurkan Program Muzium@Komuniti: Kenali Muzium Adat pada 25 Oktober 2025 dengan kerjasama Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Taman Bukit Mahogani, Kuala Klawang, Jelebu serta sokongan Pejabat Perpaduan Daerah Jelebu. Program ini bertujuan mendekati komuniti setempat di samping menyebarkan luas peranan dan fungsi Muzium Adat dalam usaha mengekalkan dan memelihara adat budaya masyarakat pelbagai kaum di Malaysia.

Program ini turut melibatkan penyertaan beberapa agensi kerajaan sekitar daerah Jelebu antaranya Jabatan Penjara Malaysia, Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan Pejabat Kesihatan Daerah Jelebu (PKD). Antara pengisian utama ialah jualan RAHMAH, jualan makanan produk oleh pengusaha tempatan, saringan pemeriksaan kesihatan, aktiviti senaman zumba, cabutan bertuah serta pelbagai pertandingan termasuk *explorace*, mewarna kanak – kanak Tadika Perpaduan dan memasak masakan tradisional.

Muzium Adat turut menyediakan aktiviti seperti pameran mini mengenai segmen galeri di Muzium Adat, Jom Cuba permainan tradisional seperti congkak dan batu seremban, suai padan artifak dan kuiz interaktif berkisar artifak yang terdapat di Muzium Adat. Turut diadakan aktiviti STEM kit DIY lampu meja tajaan Yayasan DIY Malaysia. Majlis Perasmian Penutup program telah disempurnakan oleh YB Dato' Hajah Tengku Zamrah binti Tengku Sulaiman, EXCO Kerajaan Negeri merangkap Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Kesihatan, Perpaduan, Penerangan, Integrasi Nasional dan NGO. Turut hadir ke majlis ialah Timbalan Pengarah Perpaduan Negeri Sembilan, Pegawai Kesihatan Daerah Jelebu, Pengarah Muzium Adat, Pengerusi KRT Taman Mahogani dan Pegawai Perpaduan Daerah Jelebu. YB Dato Hajah Tengku Zamrah binti Tengku Sulaiman.



POJOK MUZIUM BONGKAR POTENSI KOPI LIBERICA & SENI BARISTA

Oleh: Norhidayah binti Ramely, Bahagian Komunikasi Korporat

KUALA LUMPUR – Program Aroma Kopi: Ekspresi Seni dan Budaya yang berlangsung pada 29 hingga 30 November 2025 di Dataran Muzium Negara telah menampilkan pelbagai aktiviti menari, antaranya **“PojoK Muzium: Podcast Kopi”**. Podcast ini menampilkan dua panel jemputan istimewa yang mewakili dua spektrum berbeza dalam industri kopi, iaitu Encik Mohd Rani bin Awang, Pegawai Penyelidik dari Pusat Penyelidikan Tanaman Industri (IC/IC2) MARDI Jerangau dan Encik Muhammad Zakir bin Mohd Zamil, Jurulatih Utama *Barista Guild Asia*.

Sejarah dan Potensi Kopi Tempatan

Panel pertama Encik Mohd Rani berkongsi mengenai sejarah dan penyelidikan pertanian kopi. Beliau berkongsi naratif menarik mengenai sejarah penanaman kopi di Malaysia yang bermula dengan pengenalan kopi jenis Arabica seawal tahun 1779, sebelum diikuti oleh variasi Liberica dan Robusta. Penanaman kopi di Malaysia pada masa kini tertumpu kepada jenis Liberica di Johor dan Robusta di Kedah. Pihak MARDI terus meningkatkan inovasi dalam menangani cabaran serangan haiwan perosak serta giat menjalankan usaha mengkomersialkan kopi Liberica. Fakta menarik yang dikongsikan adalah spesies kopi Liberica yang unik kerana ia hanya merangkumi sekitar 2% daripada penanaman kopi di seluruh dunia, menjadikan ia aset bernilai bagi Malaysia. Beliau turut menjelaskan MARDI kini aktif membuka peluang kepada pekebun dan memperluas pasaran melalui platform e-dagang seperti BBSHoopee bagi memastikan hasil kopi tempatan dapat dinikmati secara meluas.

Seni Barista: Lebih Dari Sekadar Rasa

Sesi kedua menampilkan perkongsian bersama Encik Zakir Zamil yang menekankan bahawa menjadi seorang barista bukan sekadar bergantung pada bakat semata-mata, sebaliknya kualiti perkhidmatan kepada pelanggan adalah keutamaan.



“Anda adalah bintang kepada pelanggan anda, tanpa mengira hasil yang anda berikan” jelas beliau. Menurut beliau lagi, walaupun rasa kopi mungkin subjektif, personaliti dan layanan barista memainkan peranan penting dalam menarik pelanggan kembali semula ke kafe.

Menyentuh mengenai pertandingan barista peringkat kebangsaan, beliau menjelaskan bahawa pengadilan terbahagi kepada dua kategori utama. Pertama adalah aspek teknikal yang merangkumi aliran kerja, keterlibatan dan khidmat pelanggan. Kedua, adalah penilaian deria rasa (*sensory*) kopi itu sendiri. Seorang barista yang cemerlang adalah mereka yang mampu mengadunkan kemahiran teknikal dan layanan pelanggan dengan seimbang.

Rakaman PojoK Muzium: Podcast Kopi yang berlangsung secara langsung di Dataran Muzium Negara ini bukan sahaja memberi pendedahan baharu kepada pengunjung, malah rakaman penuh boleh diikuti menerusi saluran rasmi Spotify, Facebook, dan YouTube Jabatan Muzium Malaysia.

AKTIVITI SISIPAN SEMPENA PAMERAN FABRIK ASEAN: KEABADIAN TENUNAN 2025

Oleh: Salmiahwati binti Djafar, Muzium Tekstil Negara



KUALA LUMPUR - 6 Disember 2025, Pameran Fabrik ASEAN: Keabadian Tenunan membuka tirainya bermula pada 20 Oktober hingga 31 Disember 2025 bertempat di Galeri 2, Jabatan Muzium Malaysia (JMM). Sepanjang pameran ini berlangsung, pelbagai aktiviti berbentuk interaktif telah dilaksanakan pada setiap hari Sabtu bermula pada 15 November hingga 6 Disember 2025 pada jam 11.00 pagi hingga 1.00 tengahari.

Aktiviti sisipan dimulakan dengan program **“Jom Cuba, Dari Daun Nanas ke Serat”** yang telah berlangsung pada 15 November 2025. Aktiviti ini memberi peluang kepada orang ramai untuk mencuba sendiri proses menghasilkan serat nanas secara tradisional menggunakan alat penggeruk daun nanas. Serat daun nanas merupakan antara serat semula jadi yang digunakan secara meluas di beberapa negara di ASEAN, terutamanya Malaysia, Filipina, Indonesia, Thailand dan Vietnam.

Aktiviti mewarna tekstil, iaitu **“Jom Ikat dan Celup”** diadakan pada 22 November 2025 bertempat di Dataran Muzium Negara. Aktiviti ini memberi peluang kepada para pengunjung menghasilkan sendiri reka corak pewarnaan menggunakan teknik ikat dan celup berasaskan tisu. Pelbagai reka corak menarik berjaya dihasilkan melalui aktiviti ini di mana setiap satunya mempunyai keunikan dan keistimewaan yang tersendiri.

Seterusnya pada 29 November 2025, diadakan aktiviti **“DIY Kit Menerai Benang”**. Para pengunjung berpeluang merasai sendiri pengalaman menghasilkan kit menerai benang sendiri dalam proses penyediaan benang loseng dan benang pakan.

Aktiviti sisipan seterusnya ialah sempena Pameran Fabrik ASEAN melabuhkan tirainya dengan program **“DIY Mari Menenun”** pada 6 Disember 2025. Program ini menyediakan ruang kepada para pengunjung untuk menghasilkan kit tenunan sendiri serta mempelajari beberapa teknik asas tenunan yang lazim digunakan dalam penghasilan tekstil pada masa kini.

BENGKEL PERMUKIMAN SEKTOR PERMUZIUMAN JABATAN MUZIUM MALAYSIA 2025

Oleh: Asmarina binti Jamaludin, Muzium Perak

KEDAH - Bengkel Permukiman Sektor Permuziuman Jabatan Muzium Malaysia (JMM) Tahun 2025 telah diadakan dari 28 hingga 30 September 2025 bertempat di Institut Tadbiran Awam Negara Kampus Cawangan Utara (INTURA), Sungai Petani, Kedah. Program ini menghimpunkan pegawai tertinggi Kumpulan Pengurusan dan Profesional JMM bagi menyelaraskan hala tuju sektor permuziuman melalui pembentangan pencapaian, perbincangan isu serta cabaran pelaksanaan sepanjang tahun 2025. Selain itu, bengkel ini turut menekankan perancangan program berimpak tinggi bagi tahun 2026 selaras dengan Pelan Strategik Jangka Panjang JMM.

Muzium Perak telah diamanahkan sebagai penyelarasan dan urus setia bagi penganjuran permukiman kali ini. Permukiman dimulakan dengan kata-kata aluan oleh YBhg. Datuk Kamarul Baharin bin A. Kasim, Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia disusuli dengan Mesyuarat Pengurusan Sektor Permuziuman yang dipengerusikan oleh Encik Mohd Razaimi bin Hamat, Timbalan Ketua Pengarah

(Permuziuman) JMM. Pengarah Muzium Perak, Encik Mohd Nasrulamiazam bin Mohd Nasir, bertindak sebagai moderator dan penyelarasan bengkel.

Pengisian utama permukiman merangkumi pembentangan pencapaian sektor permuziuman bagi tahun 2025, perbincangan isu dan cabaran semasa, serta pembentangan dan pemurnian cadangan program tahun 2026 oleh semua muzium di bawah JMM sebelum diangkat untuk dibentangkan kepada Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia. Program ini turut menampilkan taklimat pendigitalan muzium oleh Encik Razlan bin Abdul Aziz dari Unit Teknologi Maklumat JMM yang menekankan kepentingan transformasi digital dalam pemeliharaan dan pemuliharaan warisan negara.

Pada hari terakhir, peserta menyertai lawatan keilmuan ke Muzium Arkeologi Lembah Bujang, Kedah bagi memperkukuh kefahaman pengurusan permuziuman. Secara keseluruhan, program ini telah mencapai objektif iaitu sebagai platform strategik memperkukuh perancangan dan penyelarasan dasar sektor permuziuman, selaras dengan agenda perpaduan nasional, pemeliharaan warisan dan pelancongan mampan.



Program Legasi 2025 : Memori & Muzik @ Muzium Perak Bertemakan 'Muzium Sebagai Titik Pertemuan Komuniti, Warisan Dan Seni' Muzium Perak

Oleh: Selvaraju a/l M.Pichaimuthu,

TAIPING - 14 September 2025, Jabatan Muzium Malaysia (JMM) menerusi Muzium Perak telah berjaya menganjurkan Program Memori & Muzik @ Muzium Perak, satu inisiatif kolaboratif bersama Persatuan Warisan Taiping, Universiti Putra Malaysia (UPM) dan The Crafting Music Pianos, Taiping. Program ini menampilkan pendekatan permuziuman secara imersif melalui gabungan seni persembahan, galeri pameran dan naratif sejarah, sekali gus memperkukuh peranan Muzium Perak sebagai institusi budaya yang hidup dan ruang pertemuan antara komuniti, warisan dan seni.

Legasi Memori & Muzik @ Muzium Perak merupakan inisiatif JMM yang bertujuan meremajakan pendekatan permuziuman melalui penglibatan aktif masyarakat. Program ini memperkukuh peranan muzium sebagai pusat pertemuan sosial dan budaya disamping menyemai kesedaran sejarah dan warisan dalam kalangan generasi muda, memupuk semangat patriotisme serta mengukuhkan hubungan antara komuniti dan institusi muzium.

Program Piano Hop-On & Hop-Off @ Muzium Perak yang berlangsung pada sesi pagi telah melibatkan lebih 30 orang pelajar sekolah dari daerah Larut Matang dan Selama. Program ini diadakan dari jam 9.30 pagi hingga 1.00 tengah hari ini dimulakan dengan persembahan piano oleh pelajar senior Pengajian Muzik Universiti Putra Malaysia (UPM). Seterusnya, diikuti dua slot pembelajaran interaktif yang memberi pendedahan kepada teknik asas permainan piano serta pengalaman pembelajaran muzik secara praktikal. Inisiatif ini telah berjaya memupuk minat dan apresiasi generasi muda terhadap seni muzik, selari dengan usaha memperkasa peranan



muzium sebagai medium pendidikan dan pembangunan budaya. Kemuncak program berlangsung pada sebelah malam menerusi Konsert Legasi Memori & Muzik yang berkonsepkan muzik bergerak dikendalikan oleh Soprano Antarabangsa merangkap Ketua Jabatan Muzik Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr. Ang Mei Foong, penerima Anugerah Akademik Negara (Seni Persembahan), bersama kumpulan vokal Dendang Suara Serantau. Melalui pendekatan ini, pengunjung dibawa menelusuri galeri pameran sambil menikmati persembahan muzik yang disesuaikan dengan tema setiap galeri. Program ini telah menarik penyertaan pelbagai lapisan masyarakat dan membuktikan kejayaan integrasi seni dan warisan dalam memperkaya pengalaman permuziuman serta mengukuhkan hubungan antara muzium dan komuniti.

Lawatan Dymm Tengku Permaisuri Selangor Ke Labuan Perkukuh Pemerkasaan Warisan, Sejarah Dan Alam Semulajadi - Muzium Labuan

Oleh: Zainon binti Halon, Muzium Labuan



LABUAN - DYMM Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Hajah Norashikin, berkenan mengadakan lawatan julung kali ke Wilayah Persekutuan Labuan dari 1 hingga 4 November 2025. Lawatan ini merangkumi siri program berkaitan warisan, sejarah serta pemeliharaan alam sekitar yang diatur oleh Jabatan Wilayah Persekutuan.

Pada 1 November, baginda berangkat ke Muzium Labuan, di mana ketibaan baginda disambut oleh Penolong Kurator Kanan, Encik Muhammad Nazli Ho bin Abdullah, yang mewakili Pengarah Muzium Labuan. Baginda berkenan menerima taklimat mengenai sejarah perkembangan Labuan serta keunikan masyarakat setempat. Lawatan seterusnya diteruskan ke Galeri Kraftangan LAWA bagi menyaksikan demonstrasi pembuatan Batik Linut, iaitu kraftangan unik berasaskan kanji sagu. Baginda kemudiannya berkenan melawat Muzium Marin Labuan, diiringi Ketua Muzium Marin, Puan Noritah binti Jamlin dan Yang Berbahagia Datuk Seri Noridah binti Abdul Rahim, Ketua Pengarah Jabatan Wilayah Persekutuan.

Sepanjang lawatan, baginda telah diberikan penerangan mengenai pameran hidupan marin dan usaha pemuliharaan ekosistem laut di Labuan. Baginda menzahirkan penghargaan atas komitmen pihak muzium dan menyatakan kekaguman terhadap kepelbagaian spesis marin yang dipamerkan.

Pada hari kedua, baginda berkenan berangkat ke Muzium Chimney dan disambut oleh Ketua Muzium Chimney, Puan Nurlina binti Hamza, bersama pegawai Muzium Labuan. Baginda kemudiannya turut menyertai aktiviti pendakian di Chimney Trail, Tanjung Kubong bagi menyaksikan panorama matahari terbit sebelum menikmati pemandangan matahari terbenam di Pantai Batu Manikar. Sebagai tanda komitmen terhadap kelestarian alam sekitar, Baginda juga berkenan menyertai Program Pembersihan Pantai di Pulau Kuraman anjuran Perbadanan Labuan, selain berangkat melawat ke Pulau Rusukan Besar yang terkenal dengan keindahan pantai serta ekosistem marin yang terpelihara.

Lawatan DYMM Tengku Permaisuri Selangor ke Labuan ini disifatkan sebagai satu penghormatan kepada warga muzium dan masyarakat Labuan, di samping membuka ruang lebih luas untuk mempromosikan Labuan sebagai destinasi pelancongan berasaskan warisan, sejarah dan alam semula jadi.

Singgah Santai Peserta Program Kayuhan Merdeka Jelajah Negeri Sembilan 2025 Ke Muzium Lukut

Oleh: Siti Norhayati binti Tapsir, Muzium Lukut



LUKUT - Program Kayuhan Merdeka Jelajah Negeri Sembilan 2025 anjuran Jabatan Belia dan Sukan Negeri Sembilan telah diadakan pada 15 hingga 16 September 2025 yang melibatkan beberapa buah daerah di Negeri Sembilan. Muzium Lukut turut menjadi salah satu lokasi persinggahan dalam program ini pada 15 September 2025. Ketibaan seramai 100 orang peserta telah disambut oleh Puan Siti Norhayati binti Tapsir, Pembantu Muzium dan Cik Norshasha Fekha binti Zawawi, Pembantu Khidmat Am.

Program dimulakan dengan jamuan ringan kepada para peserta, diikuti taklimat ringkas mengenai sejarah

penubuhan Muzium Lukut dan Sejarah Kota Lukut oleh Puan Siti Norhayati binti Tapsir. Program seterusnya diteruskan dengan sesi bergambar kenangan bersama para peserta di perkarangan Muzium Lukut sebelum para peserta meneruskan kayuhan ke lokasi seterusnya. Program diakhiri dengan penyampaian cenderamata oleh urusetia program kepada Puan Siti Norhayati binti Tapsir selaku wakil dari pihak Muzium Lukut.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada Jabatan Belia dan Sukan Negeri Sembilan kerana telah memilih Muzium Lukut sebagai salah satu lokasi persinggahan program ini. Melalui penganjuran program seumpama ini, ia secara tidak langsung dapat mempromosikan Muzium Lukut sebagai produk pelancongan yang menarik selain berperanan sebagai pusat rujukan sejarah dan destinasi pelancongan warisan di Negeri Sembilan.

IN HOUSE TRAINING MUSEUM VOLUNTEER: NIGHT @ MUZIUM KOTA JOHOR LAMA

Oleh: Muhammad Fitri bin Abd Razak, Muzium Kota Johor Lama

KOTA TINGGI, JOHOR - Kerajaan Negeri Johor dengan kerjasama Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) Johor serta Jabatan Muzium Malaysia melalui Muzium Kota Johor Lama telah menganjurkan **Program In-House Training Museum Volunteer: Night @ Museum** yang berlangsung pada 13 & 14 Disember 2025 bertempat di Muzium Kota Johor Lama, Kota Tinggi.

Program ini bertujuan untuk melatih dan memperkasa sukarelawan muzium yang akan berkhidmat di muzium-muzium seluruh negeri Johor sempena Tahun Melawat Johor 2026. Peserta didedahkan dengan pelbagai pengisian latihan merangkumi pengetahuan sejarah, kemahiran komunikasi, pengendalian pelawat serta peranan sukarelawan muzium dalam menyokong sektor pelancongan dan pemeliharaan warisan negeri. Program ini turut melibatkan pengalaman bermalam di muzium ini.

Majlis perasmian program telah disempurnakan oleh Puan Hajah Nurul Akmalina Bt Hj Shamsuddin, Pengarah Perpaduan Negeri Johor yang berharap program ini dapat melahirkan sukarelawan muzium yang berilmu, berdaya saing serta berperanan sebagai duta warisan dan perpaduan kepada pelawat tempatan dan antarabangsa.

Penganjuran program ini mencerminkan komitmen berterusan Kerajaan Negeri Johor dan agensi berkaitan dalam memartabatkan khazanah sejarah negeri serta memperkukuh semangat perpaduan melalui penglibatan komuniti, selaras dengan usaha Jabatan Muzium Malaysia dalam memperkasa institusi permuziuman negara.



BICARA@MUZIUM ALAM SEMULAJADI SIRI 2 TAKSIDERMI & PERMUZIUMAN

Oleh: Normardiana binti Da,manuri, Muzium Alam Semula

KUALA LUMPUR - Pada 24 September 2025, Muzium Alam Semula Jadi telah menganjurkan **Bicara@Muzium Siri 2** bertajuk "Taksidermi & Permuziuman" secara atas talian melalui platform *Zoom Meeting* dan berjaya menarik penyertaan seramai 192 orang peserta daripada pelbagai agensi kerajaan, swasta dan individu persendirian.

Di Malaysia, sejarah taksidermi dipercayai bermula seiring dengan pembinaan Muzium Perak pada tahun 1883. Pada peringkat awal, kerja-kerja pengawetan spesimen dijalankan oleh pakar luar negara yang berkhidmat di muzium-muzium di bawah *Federated Malay States*. Penglibatan tenaga tempatan dalam bidang ini hanya bermula selepas penubuhan Muzium Negara pada tahun 1963, apabila rakyat tempatan mula diberikan peluang serta latihan untuk menjadi ahli taksidermi sepenuhnya. Walaupun bidang ini telah lama bertapak, taksidermi masih relevan hingga kini kerana ia berfungsi sebagai medium pendidikan, penyelidikan saintifik, dan pameran muzium yang menampilkan kekayaan alam semula jadi negara.

Namun begitu, bidang taksidermi turut berdepan beberapa cabaran seperti kekurangan sumber, isu etika dalam pengawetan haiwan, serta tahap kesedaran masyarakat yang masih rendah terhadap nilai warisan biodiversiti. Diharapkan melalui usaha penganjuran program ini dapat meningkatkan kefahaman masyarakat mengenai bidang taksidermi, kepentingannya dalam pemuliharaan spesimen, serta peranan permuziuman dalam memelihara warisan khazanah negara.

PEMBENTANGAN SESI PERTAMA OLEH ENCIK MOHD RIDHUAN BIN AKHIRUDDIN



Berkursus selama 6 bulan di American Institute of Taxidermy, USA

PEMBENTANGAN SESI KEDUA OLEH PUAN MARINA BINTI KARUNZAMAN



Teknik Mounting

MEMARTABATKAN WARISAN DAN BUDAYA DI INTERNATIONAL MUSIC, ARTS & CULTURE CONVENTION (IMACC) SYMPOSIUM 2025 DI MANAGEMENT AND SCIENCE UNIVERSITY (MSU), SHAH ALAM

Oleh: Siti Sarah Samian, Muzium Negara

SHAH ALAM – *International Music, Arts & Culture Convention (IMACC) Symposium* yang berlangsung pada 25 September 2025 di Menara Akademik Management and Science University (MSU) berjaya menghimpunkan penggiat seni serta pakar industri bagi membincangkan sinergi antara kebudayaan, perniagaan dan identiti nasional. Simposium ini menampilkan barisan panelis dalam tiga slot utama merangkumi pengurusan acara seni serta integrasi penjenamaan dalam industri perniagaan, penerbangan dan juga permuziuman.

Melalui simposium tersebut, sesi perkongsian berkaitan warisan kebudayaan telah disampaikan oleh Cik Siti Sarah Samian, Kurator dari Muzium Negara, Jabatan Muzium Malaysia (JMM). Segmen bertajuk “*Motifs of Empires: Narrative of Heritage*” ini menekankan kepentingan memahami kebudayaan melalui perspektif empayar, serta usaha memelihara naratif sejarah dan warisan negara menerusi pendekatan kuratorial.

Antara pengisian utama segmen ini ialah perbincangan naratif sejarah, khususnya bagaimana motif dan reka bentuk dari empayar terdahulu sehingga era moden berfungsi sebagai medium penceritaan sejarah. Selain itu, peranan muzium turut diketengahkan melalui penjelasan mengenai tanggungjawab Jabatan Muzium Malaysia dalam memelihara dan memartabatkan warisan negara agar kekal relevan bagi generasi muda. Segmen ini juga mengupas identiti budaya, dengan meneliti bagaimana peninggalan sejarah berperanan dalam membentuk identiti dan jati diri bangsa pada masa kini.

Dengan kejayaan penganjuran IMACC Symposium 2025 ini membuktikan komitmen MSU dan rakan kolaborasi dalam memastikan kelangsungan seni dan budaya dalam arus pemodenan dunia. Program IMACC ini diharapkan dapat memberi inspirasi kepada para penggiat seni, pakar seni serta generasi muda untuk terus berinovasi dalam memartabatkan warisan negara, tanpa melupakan naratif sejarah dan akar tradisi yang menjadi asas dalam memperkukuh identiti warisan dan budaya.



PROGRAM IPIM SIRI KE-4 DI MUZIUM LABUAN

Oleh: Zainon binti Halon, Muzium Labuan



LABUAN – Pada 12 November 2025, Muzium Labuan sekali lagi telah melaksanakan Program Inspirasi Pelajar Inovasi Muzium (IPIM) siri ke-4 melibatkan seramai 30 orang murid Tahun 6 dan lima orang guru pengiring dari SK Pekan 1, Wilayah Persekutuan Labuan. Program dimulakan dengan sesi taklimat IPIM oleh pegawai bertugas bagi memberi gambaran keseluruhan mengenai objektif dan pengisian program sebelum sesi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) berdasarkan Rancangan Pengajaran Harian oleh guru bertugas. Bertemakan “Kepelbagaian Rakyat Malaysia”, sesi PdP ini bertujuan meningkatkan kefahaman murid terhadap masyarakat majmuk di negara ini termasuklah adat resam dan budaya masyarakat Labuan.

Aktiviti diteruskan dengan lawatan berpandu dan berfokus ke Galeri Kebudayaan Masyarakat Labuan yang terletak di aras satu. Sepanjang lawatan, para pelajar berpeluang mempelajari sejarah, adat resam, dan kepelbagaian budaya masyarakat tempatan secara lebih mendalam. Aktiviti ini membolehkan mereka mengaitkan pengetahuan yang diperolehi di bilik darjah dengan artifak serta bahan pameran yang dipamerkan di muzium, sekaligus memperkukuh pemahaman secara kontekstual. Bagi mengukuhkan lagi pembelajaran, pelajar secara berkumpulan menyertai aktiviti “Saya Anak Malaysia: Kenali Budaya Kita” serta sesi refleksi di mana mereka diminta mengkategorikan suku kaum di Malaysia berdasarkan gambar yang disediakan. Program turut diserikan dengan aktiviti nyanyian bertajuk Setia Perpaduan bagi memberi pengalaman pembelajaran secara interaktif dan menyeronokkan, sambil menanam semangat perpaduan dan kefahaman terhadap kepelbagaian masyarakat di Malaysia.

Program diakhiri dengan penyampaian hadiah kepada pemenang dan pertukaran cenderamata antara pihak sekolah dan Muzium Labuan yang telah disempurnakan oleh Encik Muhammad Azam bin Adnan, Pengarah Muzium Labuan. Pelaksanaan IPIM ini bukan sahaja memperkayakan pengalaman pembelajaran murid melalui pendekatan interaktif dan kontekstual, malah turut menyemai pemahaman terhadap warisan budaya serta identiti masyarakat Labuan dan Malaysia secara keseluruhan. Melalui program-program seumpamanya diharap dapat menjadikan muzium sebagai pelengkap kepada sistem pendidikan negara sekaligus memperkukuh peranan muzium dalam menyokong pembelajaran formal dan pembangunan jati diri pelajar.

BENGKEL PEMULIHARAAN PATUNG WAYANG KULIT KELANTAN MENGGUNAKAN KAEDAH KONSERVASI SEMPENA FESTIVAL WAYANG KULIT KELANTAN 2025 DI AKADEMI SENI BUDAYA DAN WARISAN KEBANGSAAN (ASWARA)

Oleh: Haziran bin Abu Hassan Yamani,
Bahagian Pengurusan Konservasi JMM

KUALA LUMPUR – Pada 1 November 2025, Bahagian Pengurusan Konservasi, Jabatan Muzium Malaysia telah dijemput untuk mengendalikan Bengkel Pemuliharaan Patung Wayang Kulit Kelantan Dengan Menggunakan Kaedah Konservasi. Bengkel ini merupakan salah satu aktiviti utama sempena Festival Wayang Kulit Kelantan 2025 anjuran Kementerian Pelancongan, Seni Dan Budaya (MOTAC) menerusi Jabatan Warisan Negara (JWN) dengan kerjasama Akademi Seni Budaya Dan Warisan Kebangsaan (ASWARA), bertempat di Dewan Sri Cendana, ASWARA Kuala Lumpur.

Seramai lapan orang kakitangan Bahagian Pengurusan Konservasi yang diketuai oleh Kurator, Puan Hairunnisyam binti Md Jamil telah terlibat sebagai Ketua Fasilitator. Bengkel ini disertai oleh seramai 90 peserta yang terdiri daripada penggiat seni Wayang Kulit Kelantan dari pelbagai persatuan, agensi dan peringkat umur. Antara agensi serta penggiat seni wayang kulit yang terlibat ialah Kumpulan Wayang kulit Sri Cahaya, Kumpulan Seri Hulubalang Maharaja, Kumpulan Wayang Kulit Melayu Tradisional Kelantan, Kumpulan Warisan Pusaka, Akademi Arjuna Sukma, Kelab Kesenian Pulau Tebu dan Balai Seni Negara.

Sesi bengkel dimulakan dengan ceramah bertajuk "Pemuliharaan & Pemeliharaan Wayang Kulit" yang disampaikan oleh Puan Hairunnisyam. Setelah selesai ceramah, para peserta telah dibahagikan kepada 4 kumpulan, dengan 2 orang fasilitator ditugaskan bagi setiap kumpulan. Peserta bengkel dikehendaki membawa koleksi patung wayang kulit masing-masing untuk menjalani proses konservasi, manakala peralatan serta bahan-bahan konservasi telah disediakan oleh Bahagian Konservasi JMM. Para peserta telah diberikan tunjuk ajar berkenaan proses konservasi patung wayang kulit bermula daripada peringkat awal, iaitu penilaian kondisi artifak, diikuti proses pembersihan, pemulihan dan penstabilan sehingga ke peringkat restorasi serta penyimpanan. Selain itu, peserta turut diperkenalkan dengan peralatan dan bahan-bahan yang digunakan seperti *Leather Revive*, *Leather Ultra Clean* dan *Leather Cream Protection*, serta penggunaan pemberat seperti blok kayu, blok besi serta kaedah penggunaannya. Peserta bengkel juga berpeluang mencuba sendiri proses konservasi pada patung wayang kulit masing-masing dengan bimbingan fasilitator. Bengkel yang berlangsung selama 3 jam ini, walaupun singkat tetapi berjaya mendapat maklum balas yang baik daripada para peserta.



Puan Hairunnisyam binti Md Jamil sedang menyampaikan ceramah konservasi kepada peserta bengkel patung wayang kulit

PROGRAM JANGKAUAN LUAR MUZIUM ALAM SEMULAJADI DI SEKOLAH KEBANGSAAN TAMAN SEROJA

Oleh: Muhammad Afiq bin Azizan, Muzium Alam Semulajadi



SEPANG - Muzium Alam Semulajadi telah melaksanakan siri ke-6 Program Jangkauan Luar di Sekolah Kebangsaan Taman Seroja, Sepang pada 2 Disember 2025. Program ini telah menarik penyertaan kira-kira 1,830 orang pelajar yang terlibat secara aktif dalam pelbagai aktiviti yang disediakan, antaranya pameran koleksi spesimen zoologi, aktiviti *Giant Jigsaw Puzzle*, kuiz serta aktiviti 'DIY Lampu Meja' yang dibekalkan oleh Yayasan Mr DIY. Pelaksanaan aktiviti-aktiviti ini bertujuan memupuk minat pelajar terhadap cabang *Science, Technology, Engineering, Mathematic* (STEM). Diharapkan program ini dapat mencapai objektifnya dalam memupuk minat pelajar untuk mengenali serta menghargai khazanah biodiversiti yang ada di negara ini.

Penyelidikan Fotografi Labuan Dalam Sejarah



Oleh: Affendi bin Tawakkal, Muzium Labuan

LABUAN - Penyelidikan fotografi mengenai Labuan merupakan suatu usaha ilmiah yang bukan sahaja bertujuan menelusuri denyut nadi perkembangan sejarahnya, malah berfungsi sebagai wahana penting dalam merungkai warisan visual yang semakin menghilang ditelan waktu. Dalam dunia permuziuman, foto lama ialah 'tulang belakang' kepada rekonstruksi naratif sejarah; bukan sekadar memaparkan binaan dan landskap asal, tetapi mampu menyingkap wajah masyarakat, perubahan ruang dan masa, serta jejak warisan yang membentuk identiti Labuan seperti yang kita kenali hari ini. Inisiatif penyelidikan ini lahir daripada kesedaran bahawa gambar merupakan dokumen sejarah yang diperakui kesahihannya merakam tanpa lapisan tafsiran. Setiap foto yang masih tersimpan, walau lusuh dan pudar warnanya, tetap berdiri sebagai saksi bisu kepada episod penting sejarah Labuan. Nilai visual ini merentasi era pemerintahan Kesultanan Brunei, pentadbiran British, pendudukan Jepun, kemusnahan Perang Dunia Kedua, detik pembebasan Labuan 1945, sehinggalah perkembangan moden Labuan menjadi

Wilayah Persekutuan. Dalam konteks penyelidikan, foto-foto ini menjadi bukti primer yang tidak ternilai. Proses kerja penyelidikan fotografi Labuan dilaksanakan secara sistematik merangkumi proses pengumpulan, pengenalpastian, pengkategorian, penyahpastian maklumat, dan pendigitalan mengikut piawaian konservasi preventif. Perancangan awal menetapkan bahawa pameran penyelidikan akan dianjurkan pada bulan September tahun 2025. Namun, selaras dengan penilaian kuratorial terhadap keluasan skop penyelidikan dan keperluan penghasilan bahan pameran yang lebih komprehensif, pelaksanaannya telah dijadualkan semula ke tahun 2026. Penjadualan semula ini bagi memastikan pameran kelak menampilkan jujukan visual yang paling autentik, lengkap dan berimpak tinggi.

Kerjasama erat bersama *Labuan In Visual Retrospective* (LiVR) dan Perbadanan Labuan turut memperkukuh nilai penyelidikan ini. Melalui sesi libat urus, lawatan teknikal, verifikasi data visual oleh pihak penyelidik dan pembentukan *layout* pameran, usaha

ini membuktikan bahawa konservasi warisan memerlukan jaringan kolaboratif antara institusi. Sepanjang tempoh penyelidikan, sebanyak 341 keping gambar daripada 33 siri fail telah berjaya dikumpulkan, merangkumi 23 tema sejarah utama. Susunan kronologi *storyline* yang dirangka bukan sahaja membentuk garis masa visual yang tepat, tetapi turut menyentuh nilai dinamika masyarakat majmuk, transformasi ruang bandar, kesinambungan pentadbiran, kebangkitan nasionalisme serta pembangunan fizikal dari era pramerdeka hingga kontemporari. Pendigitalan foto turut memainkan peranan penting sebagai langkah konservasi preventif bagi mengelakkan risiko pelunturan imej akibat faktor usia, serta memudahkan proses rujukan, penyelidikan lanjutan dan penyediaan bahan pameran.

Lebih jauh daripada itu, penyelidikan ini menjadi pemangkin kepada pendokumentasian tapak sejarah, penilaian semula potensi monumen tempatan serta penyediaan konservasi berasaskan bukti visual yang sahih. Ia juga memberikan asas kukuh kepada kajian lanjutan dalam bidang sejarah bandar, perubahan identiti sosiobudaya dan pembangunan arkib digital warisan Labuan, seterusnya menyumbang secara langsung kepada perancangan pameran jangka panjang dan hasrat penerbitan ilmiah Buku Sejarah Labuan yang bakal memanfaatkan sepenuhnya memori kolektif yang telah dihimunkan. Kesimpulannya, Penyelidikan Fotografi Labuan Dalam Sejarah bukan sahaja memperkayakan pangkalan data visual Muzium Labuan, bahkan mengangkat kedudukannya sebagai institusi penyimpan memori bangsa. Menerusi penyelidikan berstruktur ini, kita bukan sahaja merawat warisan, tetapi memperkukuh jati diri dan kefahaman masyarakat melalui koleksi fotografi sejarah Labuan. Seperti peribahasa "*tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas*", warisan visual yang dipelihara ini akan terus hidup, terus dinilai dan terus dihargai oleh generasi yang akan datang.



Rombongan dari Muzium Labuan telah dibawa melawat ke Galeri Pameran Gambar Perbadanan Labuan



Pengumpulan gambar-gambar oleh kakitangan Muzium Labuan



Sebanyak 341 gambar dan 33 fail gambar dikumpulkan mengikut kronologi dan dibuat salinan pendua.

LAWATAN PESERTA KURSUS PEMULIHARAAN DAN PEMELIHARAAN KOLEKSI LOGAM KE MUZIUM LUKUT

Oleh: Siti Norhayati binti Tapsir, Muzium Lukut

LUKUT - Pada 22 Oktober 2025, Muzium Lukut telah menerima lawatan daripada peserta Kursus Pemuliharaan dan Pemeliharaan Koleksi Logam menggunakan kaedah konservasi trehalose. Lawatan ini turut disertai oleh beberapa pensyarah dari Institute for Conservation of Cultural Property, Tohoku University of Art & Design, Jepun. Tujuan lawatan ini adalah untuk memberikan pendedahan kepada para peserta mengenai kaedah pemuliharaan koleksi logam di lapangan di samping berkongsi kepakaran antara Jabatan Muzium Malaysia dan wakil institusi antarabangsa.



Sepanjang sesi lawatan, para peserta diberi taklimat ringkas berkaitan sejarah Muzium Lukut serta diperlihatkan koleksi meriam Nasau, salah satu artifak utama yang menjadi simbol sejarah dan warisan kawasan Lukut. Bahagian Pengurusan Konservasi Jabatan Muzium Malaysia turut mengadakan demonstrasi ringkas kaedah konservasi meriam, sekali gus memberikan gambaran sebenar proses pembersihan, penstabilan dan penjagaan jangka panjang artifak logam. Aktiviti ini membolehkan para peserta melihat secara langsung teknik asas konservasi yang diaplikasikan dalam pemeliharaan koleksi muzium.

Secara keseluruhannya, program ini telah memberikan impak positif kerana bukan sahaja membuka ruang perkongsian idea serta pandangan baharu dalam bidang pemuliharaan logam, malah menggalakkan kerjasama antarabangsa antara Jabatan Muzium Malaysia dan institusi luar negara. Perkongsian ilmu ini diharap dapat memperkukuh amalan pemeliharaan dan pemuliharaan artifak logam di muzium-muzium Malaysia. Muzium Lukut juga amat terbuka dalam menerima kunjungan serta menjalin kerjasama dengan agensi luar, sama ada dari dalam mahupun luar negara bagi melaksanakan pelbagai aktiviti berbentuk ilmiah, pemeliharaan, dan perkongsian kepakaran dalam bidang pemuziuman.

PROGRAM SAMBUTAN MINGGU PERPADUAN PERINGKAT NEGERI SEMBILAN ANJURAN JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL (JPNIN) NEGERI SEMBILAN

Oleh: Mohd Azlan bin Faidir, Muzium Adat



JELEBU - Pada 13 dan 14 September 2025, Muzium Adat telah mengambil bahagian dalam Program Sambutan Minggu Perpaduan Peringkat Negeri Sembilan Tahun 2025 yang telah diadakan di Gelanggang Petanque, Batu 1, Port Dickson, Negeri Sembilan. Program yang berlangsung selama dua hari ini menampilkan pelbagai pengisian menarik, termasuk pertandingan pameran dan jualan RAHMAH untuk pengunjung. Antara agensi perkhidmatan awam Persekutuan dan Negeri yang terlibat ialah Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Lembaga Muzium Negeri Sembilan (LMNS) dan Muzium Lukut

Pada tahun ini, Muzium Adat menyajikan pelbagai aktiviti menarik. Bagi pengunjung cilik, aktiviti yang disediakan termasuk pembuatan kit DIY wayang kulit, permainan tradisional seperti congkak, suai padan gambar artifak serta membuat batu seremban. Bagi pengunjung dewasa pula, Muzium Adat dengan bekerjasama Persatuan Penggiat Busana Tradisional Negeri Sembilan menganjurkan aktiviti lipatan destar. Aktiviti ini telah menarik minat generasi muda mempelajari teknik lipatan tanjak dan menggayakannya dengan bimbingan ahli persatuan berkenaan.

Turut menjadi tumpuan di ruai Muzium Adat adalah demonstrasi membalut tepak sirih dengan menggunakan kain songket serta ikatan pata berkuncung. Pata berkuncung merupakan hidangan makanan atau kuih-muih yang diletakkan di dalam dulang yang ditutupi tudung saji seterusnya dibungkus bersama kain batik mengikut teknik lipatan dengan bimbingan ibu soko yang diundang khas daripada Persatuan Penggiat Busana Tradisional Negeri Sembilan. Bungkus pata berkuncung sering dipraktikkan dan kebiasaannya dibawa sebagai persembahan atau juadah buah tangan ketika bertandang ke sesuatu majlis kenduri di Negeri Sembilan pada zaman dahulu. Pengunjung terutama daripada luar Negeri Sembilan melahirkan keterujaan kerana berpeluang mempelajari aktiviti seumpama ini. Secara tidak langsung dapat menyuburkan minat dan memartabatkan adat budaya tempatan kepada generasi baharu khususnya.

PROGRAM BERMALAM DI MUZIUM ADAT

Oleh: Rosiswandy bin Mohd Salleh, Muzium Adat



NEGERI SEMBILAN – Pada 13 hingga 14 September 2025, Muzium Adat telah menganjurkan Program Bermalam di Muzium 2025 yang merupakan *signature program* Jabatan Muzium Malaysia yang diadakan sejak tahun 2005. Pada tahun ini program ini disertai oleh seramai 67 orang peserta daripada 12 buah sekolah di dalam Negeri Sembilan dan Selangor.

Hari pertama, sesi pendaftaran, pembahagian kumpulan, sesi perkongsian ilmu bertajuk 'Siapa Kurator', aktiviti membuat video TikTok Sejarah, slot ceramah: Akademi Kenegaraan Malaysia yang disampaikan oleh penceramah jemputan iaitu Tuan Mohd Ahyaulumuddin bin Abdul Hamid, Guru Besar Sekolah Kebangsaan Sungai Sampo, aktiviti membuat miniatur yang bertemakan 'Harmoni Dalam Kepelbagaian' dan tidur di galeri.

Hari kedua pula pelbagai aktiviti dilaksanakan seperti solat Subuh, Wira *Fun Walk@Museum*, aktiviti STEM tajaan Yayasan Mr. DIY, sesi pembentangan berkumpulan dan majlis penutupan rasmi Program Bermalam di Muzium 2025 yang disempurnakan oleh YAB Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg, Premier Sarawak bertempat di Borneo Culture Museum di Kuching, Sarawak secara dalam talian menerusi platform *Google Meet*.

Program diakhiri dengan sesi pengumuman dan penyampaian hadiah bagi para pemenang pakaian terbaik, pertandingan Wira *Fun Walk@Museum* dimenangi oleh Nurul Husna binti Mohd Samsurilizam yang memakai pakaian seragam polis. Bagi pemenang berkumpulan pula, pemenang tempat pertama ialah kumpulan Hang Jebat, tempat kedua ialah kumpulan Satu dan tempat ketiga ialah kumpulan *Historical Explorer*. Turut diadakan, sesi penyampaian sijil penghargaan dan penyertaan kepada semua fasilitator dan peserta. Sesi penyampaian hadiah dan sijil tersebut telah disempurnakan oleh Yang Berusaha Cik Hayati binti Mohamad Zawawi, Pengarah Muzium Adat.

PROGRAM MADANI RAKYAT 2025: PERINGKAT NEGERI KEDAH.

Zairul Hida binti Hamdan, Muzium Arkeologi Lembah Bujang



KEDAH - Program MADANI Rakyat (PMR) 2025 Peringkat Negeri Kedah yang berlangsung dari 4 hingga 6 September 2025 di Kompleks Sukan Majlis Daerah Baling, Kedah telah berjaya menarik kehadiran pengunjung yang amat memberangsangkan. Bertemakan 'Rakyat Prihatin, Negara Aman, Masa Depan Terjamin' program ini melibatkan penyertaan lebih 50 agensi kerajaan Persekutuan dan Negeri, dengan fokus kepada penyampaian perkhidmatan, maklumat kesihatan, keselamatan dalam negeri, kesejahteraan sosial serta peluang ekonomi, khususnya kepada penduduk luar bandar. Program ini dibuka kepada orang ramai seawal jam 9.00 pagi hingga 10.00 malam. Antara tarikan utama PMR 2025 Kedah ialah reruai perkhidmatan kerajaan Persekutuan dan Negeri, inisiatif kesejahteraan komuniti, jualan Rahmah Madani, jualan Agro Madani, diskaun saman trafik, dan program pertukaran topi keledar percuma oleh JPJ.

Muzium Arkeologi Lembah Bujang (MALB) turut mengambil bahagian di bawah Reruai Kementerian Perpaduan Negara dengan menyajikan aktiviti interaktif seperti pembuatan destar/ tengkolok dan manik tradisional. Hari terakhir Program MADANI Rakyat 2025, Negeri Kedah di Kompleks Sukan Majlis Daerah Baling. YBhg. Datuk Mohamad Azhan bin Md. Amir, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) turut meluangkan masa mengunjungi reruai Kementerian Perpaduan Negara (KPN), menyantuni para petugas serta meninjau pelbagai aktiviti yang dijalankan. Bersama agensi Perpustakaan Negara dan Arkib Negara Cawangan Kedah dibawah Kementerian Perpaduan Negara (KPN), reruai KPN menjadi tumpuan pengunjung sepanjang 3 hari program diadakan. Program Madani Rakyat (PMR) 2025 Kedah telah dilancarkan dan ditutup oleh YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri, pada 6 September 2025.



PROGRAM SINERGI LABUANFM: EDUTOURISM HARMONI SERANTAU

Oleh: Nurlina Hamza, Muzium Chimney



LABUAN - 10 September 2025, Muzium Chimney terus mengorak langkah memperkukuh jalinan kerjasama melalui penglibatan dalam Program Sinergi LabuanFM: *Edutourism* Harmoni Serantau yang telah diadakan di Balai Raya Kampung Sungai Labu, Wilayah Persekutuan Labuan. Program ini merupakan anjuran bersama Jabatan Penyiaran Labuan menerusi LabuanFM, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) Labuan, Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) dan Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Sungai Labu.

Melalui platform penyiaran LabuanFM, program ini berperanan sebagai jambatan komunikasi yang menghubungkan masyarakat pelbagai latar belakang menerusi kandungan siaran yang bersifat mendidik, memperkenalkan budaya, serta memperkukuhkan integrasi nasional dan serantau.

Seramai 25 orang peserta yang terlibat dalam program ini iaitu pelajar ICT yang sedang mengikuti Program *ICT-Edutourism: EduConnect Beyond Borders – Borneo Edition* pada 8 – 13 September 2025 di UMSKAL. Mereka terdiri daripada pelajar dari Universitas Esa Unggul Indonesia, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Brunei Darussalam, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dan Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Program ini dimeriahkan dengan kehadiran Timbalan Pengarah, Jabatan Penyiaran Labuan, Encik Howard Martin Kim Sung @ Cornelius dan Pengarah UMSKAL, Profesor Technologists (Ts). Dr. Shamsul Bahari Shamsudin.

Pengisian menarik yang disajikan antaranya permainan tradisi seperti Terompah Gergasi dan Rampanau, demo membuat Kuih Punjung serta menumpang Ambuyat. Aktiviti yang diadakan menggalakkan pembelajaran melalui pengalaman, menanamkan kesedaran sosial, meningkatkan pemahaman budaya serantau dan semangat kesukarelawanan serta dapat membentuk golongan belia untuk lebih berkeyakinan dan kreatif seterusnya membentuk jati diri pelajar.

PROGRAM
PERMUZIUMAN

PROGRAM FESTIVAL PENDIDIKAN NEGERI SEMBILAN 2025

Oleh: Siti Norhayati binti Tapsir, Muzium Lukut



PORT DICKSON - Muzium Lukut telah dijemput untuk menyertai Festival Pendidikan Negeri Sembilan 2025: Bertemakan “Moh Poie PD! STEM, TVET dan Digital” anjuran Pejabat Pendidikan Daerah Port Dickson bersama-sama rakan strategik pada 16 dan 17 Oktober 2025 yang diadakan di The Grand Hall Port Dickson. Penyertaan Muzium Lukut dalam festival ini bertujuan memperkenalkan peranan muzium sebagai sebuah institusi pendidikan tidak formal yang berkeupayaan menyediakan pelbagai program kepada masyarakat serta menarik minat pelajar terhadap sejarah dan kebudayaan tempatan. Antara pengisian di ruai pameran Muzium Lukut ialah bahan promosi muzium, serta aktiviti kuiz interaktif berkaitan warisan.

Program ini telah dirasmikan oleh YAB Dato’ Seri Utama Haji Aminuddin bin Haji Harun, Menteri Besar Negeri Sembilan.

Program selama dua hari ini dimeriahkan dengan pameran dan pelbagai aktiviti oleh agensi-agensi kerajaan dan NGO. Antara acara yang menjadi tumpuan orang ramai ialah pameran STEM, TVET dan DIGITAL, pertandingan inovasi, pertandingan bakat, pertandingan robot sumo, kursus digital, aktiviti interaktif (robotic, dron, hologram) dan jualan.

Secara tuntas, festival seumpama ini boleh dijadikan platform terbaik bagi menghimpunkan warga pendidik, pelajar, institusi pengajian tinggi serta pemain industri dalam satu wadah ilmu yang memperkukuh ekosistem pendidikan negeri. Ia memperlihatkan sinergi antara sekolah, kolej vokasional, politeknik dan agensi industri dalam melahirkan generasi berkemahiran tinggi serta berdaya saing.

Program Muzium MERENTAS KAMPUS DAN SEKOLAH 2025

Oleh: Junaida binti Omar Junit, Muzium Chimney

LABUAN – Program Muzium Merentas Kampus dan Sekolah 2025 merupakan salah satu usaha progresif pihak Jabatan Muzium Malaysia (JMM) Wilayah Labuan melalui Muzium Chimney yang diadakan dengan kerjasama institusi pendidikan bagi menyebarkan maklumat sejarah dan warisan budaya tempatan secara lebih inklusif. Sekaligus mengintegrasikan pembelajaran sejarah ke dalam persekitaran akademik dan sosial.

Program ini telah dilaksanakan sebanyak empat siri yang melibatkan SK Kibabag Penampang, Sabah pada 12 Julai 2025 dan diikuti pada 24 Julai 2025 di SK Lubok Temiang. Seterusnya siri ketiga diadakan di SMK Labuan yang bertemakan Muzium dan Kerjaya pada 7 Ogos 2025. Siri keempat telah berlangsung di Kolej Vokasional Labuan pada 3 September 2025 sempena upacara penutupan Sambutan Bulan Kebangsaan peringkat kolej.

Inisiatif ini bertujuan mengangkat bidang permuziuman dengan mentafsirkannya menerusi elemen pendidikan sejarah, budaya dan warisan agar dapat menarik minat dan meningkatkan kesedaran bagi melahirkan generasi muda yang celik sejarah, berdaya saing dan berpegang teguh dengan identiti negara bangsa. Selain itu, objektif program ini adalah sebagai wadah mengeratkan jalinan kerjasama antara institusi menerusi pendekatan merakatkan peranan muzium dalam komuniti dengan turun ke lapangan dan menyemarakkan aktiviti kemasyarakatan setempat.

Pelbagai aktiviti pendidikan interaktif yang diketengahkan antaranya perkongsian ilmiah berkaitan Kerjaya Kurator, Pameran Permuziuman Bertemakan Sejarah Dan Kebudayaan Labuan, Taklimat Konservasi



Artifak Logam, Bengkel Permuziuman Konservator Muda bagi pendedahan Teknik Asas Casting Moulding. Turut diadakan aktiviti sisipan berorientasikan pembelajaran seperti Teka dan Menang, Permainan Roda Sejarah, Permainan Interaktif Minda seperti cabaran suai padan gambar, cabaran Jenga dan aktiviti Eksplorasi Sejarah bertemakan Saya Anak Malaysia.

Di era digital hari ini, masyarakat lebih cenderung terhadap teknologi dalam aktiviti hidup seharian. Oleh itu, program yang dirangka seperti ini akan menjadi mekanisme praktikal bagi menyemarakkan kesedaran masyarakat terhadap sejarah dan budaya, malah memainkan peranan penting dalam memupuk perpaduan, memperkukuh rasa kebersamaan dan menyokong usaha kelestarian khazanah warisan negara. Secara keseluruhan program ini telah berjaya mencapai jumlah penyertaan sebanyak 3,422 orang, sekaligus membuktikan kewajaran program jangkauan luar sebagai inisiatif positif yang meningkatkan kebolehlihatan institusi permuziuman serta memperluas capaian pendidikan warisan di peringkat akar umbi.



PROGRAM STEM BERSAMA MUZIUM ARKEOLOGI LEMBAH BUJANG SEMPENA SAMBUTAN HARI KANAK-KANAK.

oleh : Zairul Hida binti Hamdan, Muzium Arkeologi Lembah Bujang

KEDAH - Pada 3 Disember 2025, program STEM bersama Muzium Arkeologi Lembah Bujang telah diadakan di SK Bedong bersempena sambutan Hari Kanak-Kanak peringkat sekolah dengan penglibatan pelajar dari peringkat pra sekolah sehingga tahun enam seramai 609 orang. Hari Kanak-Kanak merupakan hari istimewa untuk meraikan kegembiraan, kreativiti dan potensi anak-anak yang bakal mencorak masa hadapan negara. Program ini bermula pada jam 8.30 pagi dan berakhir pada jam 1.30 petang. Bertemakan *Sweet and Candy*, program ini turut diadakan bagi meraikan peranan serta kepentingan kanak-kanak sebagai aset penting dalam pembangunan negara.

Program dimulakan dengan bacaan doa bagi memberkati majlis sambutan Hari Kanak-Kanak. Majlis turut diserikan dengan kehadiran maskot Marrybrown yang mengiringi persembahan khas oleh murid-murid Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) sebagai gimik perasmian.

Muzium Arkeologi Lembah Bujang telah membawa pameran

sejarah arkeologi serta aktiviti berkonsepkan STEM yang melibatkan seramai 609 orang pelajar. Aktiviti kraf DIY dengan Kerjasama Yayasan MR DIY menampilkan beberapa modul menarik, iaitu aktiviti 'Table Lamp' untuk pelajar Tahun 4 hingga Tahun 6, aktiviti 'Catapult' untuk pelajar Tahun 1 hingga Tahun 3 serta aktiviti 'Magnet Monkey' khusus untuk pelajar PPKI. Program ini membuka ruang untuk kanak-kanak belajar melalui pengalaman sebenar, menggabungkan pengetahuan sejarah dan sains secara integratif. Guru-guru yang hadir turut menyokong inisiatif ini sebagai pendekatan pengajaran luar bilik darjah yang efektif.

Secara keseluruhan, program ini berjaya membuka ruang kepada kanak-kanak untuk belajar secara holistik dengan menggabungkan pengetahuan sejarah dan sains secara intergratif. Guru-guru yang hadir turut menyatakan sokongan terhadap pelaksanaan program ini sebagai satu pendekatan pengajaran luar bilik darjah yang efektif dan berimpak tinggi.

MAJLIS SAMBUTAN MAULIDUR RASUL JABATAN MUZIUM MALAYSIA TAHUN 2025

Oleh: Izzul Nazmi bin Bokhari, Setiausaha, Surau al-Falah Muzium Negara

Sabda Rasulullah SAW: "Tidak sempurna iman seseorang di antara kamu sehingga aku lebih disayanginya daripada ibu bapanya, anaknya, dan manusia seluruhnya."

KUALALUMPUR - Sempena menyambut ulang tahun kelahiran Rasulullah SAW, Surau al-Falah Muzium Negara (SAFMN) dengan kerjasama Persatuan Kebajikan, Sosial dan Rekreasi (PKSR), Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam Malaysia (PUSPANITA) dan Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) telah menganjurkan Majlis Sambutan Maulidur Rasul yang dimeriahkan dengan acara perarakan serta ceramah agama yang bertajuk "Bekerja Sebagai Ibadah, Inspirasi daripada Kehidupan Rasulullah" pada 8 September 2025 bertempat di Perkarangan Jabatan Muzium Malaysia (JMM) dan Auditorium JMM.

Seawal jam 9.00 pagi kakitangan jabatan telah berkumpul di hadapan Pintu Gerbang Kacapuri Muzium Negara untuk menyertai perarakan Maulidur Rasul bersama-sama Pengurusan Tertinggi JMM. Perarakan tersebut dimulakan kira-kira jam 9.30 pagi bergerak menuju ke Auditorium dengan bacaan selawat ke atas Rasulullah SAW yang dipimpin oleh Encik Mohd Khairul Azhar bin Mustapa merangkap Imam 1 SAFMN.

Kemudian acara diteruskan dengan sesi ceramah agama bertajuk "Bekerja Sebagai Ibadah, Inspirasi daripada Kehidupan Rasulullah" disampaikan oleh penceramah terkenal tanah air iaitu al-Fadhil Ustaz Syamsul Amri Ismail atau mesra dikenali sebagai Syamsul Debat. Ceramah agama yang bersifat santai namun padat dengan pengisian diterima dengan sangat baik bukan sahaja kakitangan JMM tetapi juga jemputan luar seperti kakitangan Kementerian Perpaduan Negara, Perpustakaan Negara Malaysia, Arkib Negara Malaysia dan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan. Majlis sambutan diakhiri dengan penyampaian cenderamata kepada Ustaz Syamsul Debat yang disampaikan oleh YBhg. Datuk Kamarul Baharin bin A. Kasim, Ketua Pengarah, Jabatan Muzium Malaysia. Setiap peserta juga turut menerima bunga telur sebagai tanda penghargaan atas kehadiran ke Majlis Sambutan Maulidur Rasul ini yang berjaya menghimpunkan seramai 250 peserta yang hadir secara fizikal atau dalam talian dari pelbagai agensi kerajaan.



PKSR JMM WILAYAH LABUAN DAN MAKNA ANJUR TAKLIMAT CAKNA KANSER

Oleh: Zainon binti Halon, Muzium Labuan

LABUAN - 23 September 2025, PKSR JMM Wilayah Labuan dengan kerjasama Majlis Kanser Nasional (MAKNA) cawangan Sabah telah menganjurkan Taklimat Cakna Kanser bertempat di Bilik Labohan, Muzium Labuan. Program ini diadakan sebagai usaha meningkatkan kesedaran masyarakat khususnya warga muzium terhadap penyakit kanser serta mengukuhkan sokongan komuniti terhadap pesakit yang memerlukan.

Penganjuran taklimat ini juga bertujuan untuk menekankan kepentingan kesedaran awal terhadap kanser, di samping memberi penerangan mengenai peranan MAKNA dalam membantu pesakit kanser yang kurang berkemampuan. Melalui sesi perkongsian tersebut, peserta turut diberikan maklumat berkaitan tanda-tanda awal kanser, langkah pencegahan, kepentingan pemeriksaan kesihatan secara berkala, serta gaya hidup sihat yang boleh diamalkan bagi mengurangkan risiko penyakit. MAKNA turut menerangkan pelbagai bentuk bantuan yang disalurkan kepada pesakit kanser, termasuk sokongan kewangan, penyediaan peralatan perubatan, program pemulihan serta bimbingan emosi dan psikososial. Penekanan turut diberikan kepada usaha memperkasakan komuniti untuk bersama-sama

membantu pesakit kanser melalui sokongan berterusan. Salah satu komponen penting yang diketengahkan dalam taklimat ini ialah Program "My Pledge Against Cancer" (MPAC), iaitu inisiatif yang membuka ruang kepada orang ramai untuk menyalurkan sumbangan secara konsisten bagi membantu pesakit kanser yang memerlukan. Program ini diharap dapat memperluas jaringan sokongan masyarakat dan meningkatkan keprihatinan terhadap golongan yang sedang berjuang melawan penyakit tersebut. Program Taklimat Cakna Kanser ini telah dihadiri oleh ahli-ahli biro daripada muzium-muzium di Wilayah Persekutuan Labuan, yang menunjukkan komitmen dalam menyokong program berteraskan kesedaran kesihatan dan kebajikan masyarakat.

Penganjuran taklimat ini bukan sahaja memperkukuh hubungan antara agensi, malah mengukuhkan peranan muzium sebagai institusi yang turut prihatin terhadap isu-isu sosial dan kesejahteraan masyarakat setempat. Usaha sebegini diharap berterusan demi mewujudkan komuniti yang lebih peka, cakna kesihatan serta bersedia bersama-sama membantu pesakit kanser di seluruh negara.



SEJARAH MUZIUM SELANGOR (1889-1945)

Oleh: MOHD NASRULAMIAZAM BIN MOHD NASIR MUZIUM PERAK, TAIPING

Pengenalan

Penubuhan Muzium Selangor bukan sahaja menandakan kemunculan pusat penyelidikan dan dokumentasi alam semula jadi serta budaya tempatan di bawah pentadbiran kolonial, tetapi turut menggambarkan bagaimana Kuala Lumpur mula membentuk identiti sebagai pusat pentadbiran dan ilmu pengetahuan moden pada awal abad ke-20. Dalam konteks sejarah permuziuman di Malaysia, Muzium Selangor berperanan penting sebagai pelengkap kepada Muzium Perak (1883) dan menjadi jambatan antara tradisi koleksi kolonial dengan perkembangan institusi muzium kebangsaan selepas merdeka.

Sejarah Penubuhan

Muzium Selangor merupakan salah satu muzium terawal yang ditubuhkan oleh pihak kolonial British di Semenanjung Tanah Melayu menjelang akhir abad ke-19. Muzium yang pertama ialah Muzium Perak, yang dibuka pada tahun 1883. Kedua-dua muzium ini ditubuhkan hasil daripada minat mendalam terhadap sejarah alam semula jadi pada waktu itu dan digerakkan oleh beberapa pegawai kerajaan dalam pentadbiran British yang mempunyai minat dalam bidang tersebut. Menurut Penolong Pengarah Muzium Selangor ketika itu, C. Boden Kloss (1910), penubuhan muzium ini bermula dari dorongan sekumpulan masyarakat (kelompok Eropah) di Kuala Lumpur yang berminat terhadap sejarah alam semula jadi dan etnologi. Antara individu yang memainkan peranan penting dalam mencetuskan idea penubuhan Muzium Selangor ialah Kapten Syers, Pesuruhjaya Polis Pertama Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dan juga merupakan seorang ahli alam semulajadi amat. Idea ini kemudiannya direalisasikan dengan bantuan sedikit geran daripada Kerajaan Negeri Selangor.

Pada tahun 1880, Selangor telah memindahkan ibu negerinya dari Klang ke Kuala Lumpur namun masih belum mempunyai muzium sendiri, sedangkan di Perak, Muzium Perak telah dibangunkan lebih lima belas tahun lebih awal. Muzium Selangor akhirnya ditubuhkan pada tahun 1898 dimana lokasi terawal muzium ini ialah di Pejabat Kerajaan Lama di atas padang (kini Dataran Merdeka). Namun tidak beberapa lama selepas itu lokasi muzium ini telah berpindah ke bangunan yang dikenali sebagai Istana di Weld's Hill. (kini Bukit Nenas). Menjelang akhir 1906, bangunan muzium di pintu masuk ke Public Gardens (kini Taman Botani Kuala Lumpur), Jalan Damansara telah siap dibina dan koleksi mula dipamerkan. Pada tahun 1914, bangunan muzium diperluas dengan penambahan dewan tengah dan sayap timur.

Menurut Neil Khor dan Gretchen Liu (2009), Muzium Selangor siap dibina pada tahun 1906 dengan senibina gaya Eropah Utara (*flemish*). Muzium ini merupakan sebuah permata seni bina yang hilang semasa Perang Dunia Kedua. Muzium ini bermula pada tahun 1887, dengan koleksi asalnya terdiri daripada spesimen batuan yang dikumpulkan oleh Harry Charles Syers, Pesuruhjaya Polis pertama Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (FMS). Beliau, bersama ahli alam semula jadi Amerika William T. Hornaday, telah 'menemui' Gua Batu (kini Batu Caves). Muzium ini kemudiannya terus



berkembang apabila John Pickersgill Rodgers yang menjadi Residen British Selangor antara tahun 1896 hingga 1901 telah menyumbangkan pelbagai artifak. Ianya termasuklah azimat batu berukir yang dikenali sebagai batu lintar.

Kurator Awal dan Koleksi Alam Semula Jadi

Pada tahun 1898, A.L Butler telah dilantik sebagai kurator pertama Muzium Selangor. Perlantikan kurator ini dianggap langkah penting kerana sebelum jawatan kurator diwujudkan banyak spesimen sejarah alam semula jadi telah rosak akibat kaedah penyediaan yang tidak sempurna melainkan satu siri spesimen seladang yang dikumpul oleh Kapten Syers. Sebagai kurator, A.L Butler memulakan pembentukan koleksi burung-burung Tanah Melayu (*British Malaya*) yang dianggap antara yang paling lengkap di rantau ini pada ketika itu. Selepas beliau, Dr. D. Duncker dilantik dan berkhidmat hanya selama setahun. Beliau menumpukan perhatian kepada ikan air tawar dan berjaya mengumpulkan banyak koleksi. Pada ketika ini juga asas kepada koleksi etnografi muzium mula dibentuk termasuk senjata dan barangan perak Melayu yang menarik telah dibeli dengan menggunakan dana yang terhad.

Gambaran Dewan Pameran

Pameran Utama

Antara objek istimewa yang dipamerkan di muzium ini ialah model kapal perang H.M.S. Malaya yang dihadiahkan oleh kerajaan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, lengkap dengan bendera perangannya di Jutland serta koleksi trofi perang.

Dewan Masuk

Dewan masuk pula, menempatkan pelbagai mamalia besar. Antaranya seekor gajah betina yang ditembak oleh Dr. W. H. Lucy berhampiran Public Gardens, diawet oleh E. Seimund yang merupakan seorang penolong kurator dan ahli taksidermi. Spesimen ini dianggap contoh pertama kerja taksidermi berskala besar yang berjaya dilakukan di Asia.

Turut dipamerkan ialah tapir, badak dua tanduk (*Rhinoceros sumatrensis*) dan harimau, selain spesies monyet tempatan seperti siamang (hanya terdapat di Semenanjung dan Sumatera) dan berok (*Macaca nemestrina*) dari Weld's Hill. Koleksi lain termasuklah babi kerdil dari Pulau Terutau (pulau yang terletak di Satun, Thailand) dan kambing gurun atau hutan (*serow*) dari tebing gua batu kapur berhampiran

Ipoh. Selain pameran umum, muzium ini memiliki koleksi vertebrata Malaya terbesar. Daripada kira-kira 270 jenis mamalia yang diketahui di rantau ini, hanya sekitar 30 spesies kecil kebanyakannya kelawar tidak diwakili dalam koleksi.

Galeri Pertama – Burung dan Reptilia

Galeri pertama di bahagian lama bangunan, terletak di sebelah kiri dewan tengah, menempatkan koleksi burung dan reptilia. Sekurang-kurangnya terdapat satu spesimen bagi setiap spesies burung dari Negeri-Negeri Selat dan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Koleksi burung dipamerkan dalam kotak dinding, manakala reptilia di bahagian tengah galeri.

Untuk tujuan kajian, spesimen tambahan disimpan di tempat gelap dan hanya boleh diakses dengan kebenaran kurator. Label pameran disediakan dalam bahasa Inggeris, Latin dan kadangkala Melayu serta lengkap dengan penjelasan untuk setiap kumpulan.

Koleksi burung laut dan pantai, helang, burung nasar serta burung belatuk amat lengkap. Daripada kira-kira 630 spesies burung di rantau ini, muzium memiliki hampir 600 spesies dengan kekurangan hanya pada burung migrasi dari utara yang belum diterokai sepenuhnya.

Di atas kotak dinding pula tergantung tanduk rusa, kambing gurun, kerbau dan seladang, termasuk sepasang tanduk seladang terbesar di Semenanjung yang diperolehi dari Mr. Da Pra berhampiran Kuala Pilah. Turut dipamerkan ialah koleksi peninggalan Kapten Syers, yang meninggal dunia akibat diserang seladang di hutan Pahang pada 1897. Kepala seladang tersebut pernah dipamerkan di Royal Club Selangor dan kini berada di Muzium Polis, Kuala Lumpur.

Reptilia yang diawet termasuk dua spesies ular sawa (*python*) *P. reticulatus* sepanjang 22 kaki 4 inci dan *P. curtus* atau “ular sawa darah” yang terkenal dengan warna




Foto: Kepala Seladang dan Kapten Syers

merah ketika hidup. Turut dipamerkan ular tedung, ular *hamadryad* sepanjang hampir 14 kaki, serta pelbagai spesies ular tempatan, buaya, buaya sepi (*gharial*), kura-kura dan biawak.

Bahagian Kanan Dewan Utama – Serangga dan Mineral

Di bahagian kanan dewan utama, terdapat pameran serangga. Ruang pameran di sudut bangunan pula menampilkan koleksi mineral dan batuan tempatan yang dilabel oleh ahli geologi kerajaan termasuk marmar Ipoh, bijih timah, dan kristal kasiterit. Turut dipamerkan model buah-buahan dan sayuran tempatan.

Galeri belakang pula dikhaskan untuk pameran marin seperti ikan, karang, cangkerang, dan rangka ikan paus perintis India (*Globiocephalus indicus*) yang terdampar di Jeram. Koleksi penyu laut juga menarik termasuk spesies penyu belimbing (*Dermochelys coriacea*) yang sangat jarang ditemui. Spesimen betina ini ditangkap di Pulau Tioman ketika bertelur.

Galeri Etnografi

Dewan utama dan galeri belakang di sebelah kiri menempatkan koleksi etnografi. Walaupun tidak sebesar Muzium Perak, koleksi ini menjadi pelengkap kepada koleksi Negeri Sembilan. Koleksi etnografi Muzium Selangor kaya dengan senjata dan barangan peribadi Melayu Negeri Sembilan dan Perak. Koleksi tersebut termasuklah lembing, keris panjang, pedang chenengkas dan senjata khas dari Perak, Sri Menanti, serta Sungai Ujong.

Turut dipamerkan barangan perak hitam dan putih (Jadam) dari Minangkabau, Sumatera Tengah serta beberapa keping perak Ligor yang terkenal. Walaupun koleksi barang kemas Melayu masih kecil, terdapat beberapa pinggan perak lama yang sangat baik kualitinya. Pameran etnografi lain merangkumi alat batu, tembikar, barangan tembaga, alat muzik, tikar anyaman, kerja bakul, alat tenunan, model perahu, barang pertanian dan artifak masyarakat Orang Asli yang kebanyakannya replika daripada koleksi di Muzium Perak.

Terdapat juga sebahagian besar koleksi yang diperbuat daripada tembaga iaitu bahan yang kurang digunakan oleh tukang Melayu tetapi ia banyak dihasilkan di Jawa dan Sumatera. Pembuatan tembaga dianggap masih baru diperkenalkan di Semenanjung Tanah Melayu pada ketika itu. Dalam ruang kecil berhampiran dewan utama pula dipamerkan pinggan porselin dari China yang dibawa untuk kegiatan perdagangan pada zaman sebelumnya. Walaupun tidak berharga tinggi, ia mempunyai nilai sejarah kerana objek ini sudah tidak lagi dihasilkan pada ketika itu.

Penutup

Muzium Selangor mencerminkan semangat awal masyarakat kolonial dan tempatan dalam usaha mengumpul, mendokumentasi, dan mempamerkan kekayaan alam serta budaya di Semenanjung Tanah Melayu. Ia bukan sahaja menjadi tempat penyelidikan zoologi dan etnografi, tetapi juga lambang perkongsian ilmu dan minat golongan masyarakat khususnya pegawai kolonial terhadap warisan Semenanjung Tanah Melayu pada awal abad ke-20.

Semasa Perang Dunia Kedua iaitu pada tahun 1945, sayap timur muzium telah musnah akibat serangan udara (pengeboman) oleh Tentera Bersekutu dan sebahagian koleksi muzium dipindahkan ke Muzium Perak di Taiping. Selepas perang tamat muzium ini dibuka semula, namun bahagian yang musnah tidak pernah dibina semula. Akhirnya, pada tahun 1959 iaitu selepas dua tahun Malaysia mencapai kemerdekaan kerajaan telah memutuskan untuk membina sebuah muzium yang baru di tapak Muzium Selangor. Kerja pembinaannya bermula pada tahun 1962 dan pada tanggal 31 Ogos 1963 Muzium Negara telah dirasmikan dan dibuka kepada umum.

Rujukan:

Kleingrothe, C. J. .2009. *Malay Peninsula: Old Photographs of Malaya and Singapore, c. 1900*. Introduction by John Falconer, captions by Neil Khor and Gretchen Liu. Singapore: Jugra Publications & Editions Didier Millet
Cuthbert Woodville Harrison. 1923. *An Illustrated Guide to the Federated Malay State*. London: The Malay State Agency
R.L. German: 1937. *Handbook To British Malaya*. London: Malayan Information Agency

AKRAB JMM SERTAI PROGRAM CITRA NEGARA MADANI (CNM) 2025

Oleh: Affendi bin Tawakkal, Muzium Labuan



SABAH - Program Citra Negara Madani (CNM) 2025 bagi Zon Sabah telah berlangsung dari 25 hingga 28 Ogos 2025 di Pusat Latihan Kenegaraan (PLK) Kundasang dengan penyertaan seramai 114 peserta terpilih dari pelbagai kementerian dan agensi seluruh negara. Program anjuran Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Majlis AKRAB Kebangsaan (MAK) dengan kerjasama Akademi Kenegaraan Malaysia (AKM) ini turut disertai wakil Jabatan Muzium Malaysia (JMM) yang terdiri daripada ahli AKRAB berdaftar.

Program bermula dengan sesi taklimat pengenalan oleh urusetia AKM sebelum peserta dibawa menyelami slot “Demi Negara” oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), menekankan kesiapsiagaan komuniti dalam menghadapi keadaan luar jangka. Setiap sesi pertemuan harian dimulai dengan nyanyian Malaysia MADANI dan Darah Satria, bagi menanamkan rasa bangga dan kecintaan terhadap tanah air. Dalam slot “Bicara Malaysia MADANI”, peserta diberi kefahaman mendalam mengenai enam teras MADANI serta kaitannya dengan peranan penjawat awam dan kepimpinan sebagai ahli AKRAB. Seterusnya, sesi “Pasca Normal” memberi peluang kepada para peserta saling mengenali antara satu sama lain melalui pembahagian kumpulan kecil untuk membina identiti, peranan dan hala tuju kumpulan. AKRAB JMM ditempatkan dalam Kumpulan 6 dari sepuluh kesemuanya dengan gelaran nama kumpulan, “*Kita Onsoi*”, yang mencerminkan kemesraan budaya Sabah, semangat harmoni dan kekuatan kebersamaan. Pada sebelah petang, aktiviti riadah merentas desa diteruskan sebagai sesi pemanasan badan dimana semua peserta bergerak mengelilingi kawasan PLK mengikut kumpulan masing-masing yang dipimpin oleh ahli jawatankuasa AKM.

Hari kedua membawa cabaran intelektual dan fizikal dimana semua kumpulan mengharungi aktiviti Interaktif Kenegaraan merangkumi empat *checkpoint* iaitu sejarah negara, perlembagaan persekutuan, rukun negara dan anatomi logo MADANI. Aktiviti ini menguji pengetahuan kenegaraan peserta dan pada masa sama memperkukuh pemahaman mereka terhadap simbol-simbol negara yang

sering menjadi rujukan dalam naratif sejarah malah begitu dekat dengan peranan JMM. Pada sesi petang, setiap kumpulan melaksanakan aktiviti ‘Bina Kota Bina Insan’ dengan mencipta ikatan tali kukuh untuk mengangkat rakan sepasukan. Aktiviti mencabar ini mengajar erti kesatuan, komunikasi yang jelas serta kepercayaan nilai teras AKRAB dalam menyediakan sokongan psikososial kepada warga jabatan. Peserta turut diberikan tugas memasak dengan bahan asas secara kreatif sebelum bertukar hidangan sesama kumpulan, memupuk sifat kerjasama, adaptasi dan daya cipta. Pada sesi malam, setiap kumpulan perlu menghasilkan logo tersendiri dalam sesi “Identiti AKM”, sebagai satu manifestasi kreatif yang mencerminkan visi dan nilai kumpulan.

Hari ketiga memberi ruang refleksi melalui aktiviti *Blob Tree*, di mana peserta memilih karakter yang paling melambangkan diri mereka seperti *The Constructive Thinker*, *The Positive Communicator* atau *The Emotionally Matured Individual*. Sesi perkongsian ini membuka peluang untuk memahami personaliti rakan sepasukan dengan lebih mendalam, sekali gus menonjolkan kepentingan kecerdasan emosi dalam kepimpinan dan satu aspek kritikal dalam peranan AKRAB sebagai pembimbing rakan sekerja.

Pada hari terakhir, setiap kumpulan mempersembahkan hasil kreativiti masing-masing secara spontan bertemakan Malaysia MADANI bertujuan untuk menyampaikan mesej perpaduan, integriti dan aspirasi negara melalui persembahan santai namun penuh bermakna. Program diakhiri dengan pertandingan Kahoot Malaysia MADANI dan sesi pembentangan setiap kumpulan dalam mengaplikasikan nilai MADANI dalam diri, organisasi, keluarga, masyarakat dan komuniti. Amanat penutup disampaikan oleh Yang Berusaha Encik Mohd Afendi bin Ya@Zakaria (Presiden MAK) menjadi dorongan penting agar segala ilmu dan pengalaman yang diraih tidak hanya tinggal sebagai kenangan di PLK Kundasang, tetapi dibawa pulang sebagai amalan dan budaya kerja dalam organisasi.



Program Kendurian 2025



Muzium Kita Tamadun Kita



Galeria Perdana



Muzium Adat



Muzium Arkeologi Lembah Bujang



Muzium Chimney



Muzium Diraja



Muzium Etnologi Dunia Melayu



Muzium Kota Johor Lama



Muzium Kota Kayang



Muzium Kota Kuala Kedah



Muzium Labuan



Muzium Lukut



Muzium Marin



Muzium Matang



Muzium Negara



Muzium Automobil Nasional



Muzium Perak



Muzium Seni Bina



Muzium Seni Kraf Orang Asli



Muzium Sg Lembing



Muzium Tekstil Negara



Galeri Muzik